

Bab 2: Sejarah Kebangkitan Islam di Malaysia sebagai Latar Belakang kepada Wacana Pengislaman Ilmu.

2.0 Pengenalan.

Babak kedua akan menjelaskan pengaruh kebangkitan Islam kepada wacana pengislaman ilmu di Malaysia. Pengaruh kebangkitan Islam yang kuat sejak 1970an di peringkat global dan di Malaysia juga dipengaruhi oleh gerakan terdahulu seperti gerakan *islah* khususnya di dalam masyarakat Melayu. Gerakan kebangkitan Islam amat dikaitkan dengan masyarakat dan politik Melayu kerana kaum Melayu rata-ratanya adalah penganut agama Islam. Perlu difahami bahawa pengaruh kebangkitan Islam yang berlaku di peringkat global juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri terutamanya revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 yang akhirnya banyak mempengaruhi pemikiran gerakan Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia sendiri.

Di dalam babak ini, penjelasan mengenai sejarah kebangkitan Islam dibincangkan untuk melihat wacana pengislaman ilmu di dalam konteks sejarah kebangkitan Islam. Namun begitu, walaupun sejarah kebangkitan Islam mempunyai kaitan dengan wacana pengislaman ilmu, tetapi kedua-duanya tidak mempunyai kesinambungan sepenuhnya, kerana kedua-duanya melibatkan isu-isu yang berlainan. Pada abad ke-19 dan 20, respons masyarakat Melayu kepada pihak British bukan ke arah kritikan terhadap sains Barat, tetapi lebih menjurus kepada penentangan terhadap penjajahan fizikal British, walaupun terdapat respons awal daripada Kaum Muda terhadap modenisasi. Respons awal terhadap modenisasi Barat dianggap penting untuk kemajuan masyarakat Islam, yang cuba dibentuk berlandaskan Islam. Wacana atau respons pada ketika itu lebih berkisar kepada isu kemajuan masyarakat Melayu Islam. Namun begitu, kebangkitan Islam bermula dekad 1970an di dalam konteks wacana

pengislaman ilmu lebih menjurus kepada pendekatan yang kritikal terhadap Barat, termasuklah kritikan terhadap sains Barat.

Revolusi Iran dan kesedaran baru di dalam masyarakat Islam yang timbul, serta usaha-usaha baru ke arah modenisasi selepas zaman kemerdekaan mewujudkan satu bentuk respons baru. Bermula selepas rusuhan kaum di Malaysia pada tahun 1969, dan kemudian penubuhan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diilhamkan oleh Tun Abdul Razak Dato' Hussein telah melahirkan lebih ramai golongan kelas pertengahan di dalam masyarakat Melayu. Respons baru timbul daripada golongan ini, sebagai respons terhadap usaha-usaha memodenkan masyarakat Islam dan juga negara, yang aktif diperjuangkan seterusnya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Proses modenisasi dan kemajuan yang berlaku di Malaysia merupakan latar belakang untuk menjelaskan kenapa wujudnya satu bentuk respons terhadap modenisasi yang digerakkan oleh sarjana-sarjana Islam di Malaysia pada zaman selepas merdeka.

Kebangkitan Islam di Malaysia boleh dilihat sebagai perkembangan yang berlaku melalui dua gelombang yang berbeza, namun mempunyai persamaan dari beberapa segi. Gelombang pertama merujuk kepada kebangkitan Islam pada zaman penjajahan, yang merujuk kepada usaha-usaha awal dan respons terhadap modenisasi oleh golongan Kaum Muda yang menentang kedua-dua konservatisme Kaum Tua dan juga modenisasi ala Barat. Seterusnya gelombang kedua yang merujuk kepada kebangkitan Islam selepas merdeka, yang digerakkan oleh golongan intelektual Melayu, yang juga dipengaruhi oleh perkembangan luaran iaitu Revolusi Iran pada tahun 1979. Kedua-dua gelombang ini mengandungi corak pendekatan respons intelektual Melayu Islam yang berbeza, dan seterusnya menggambarkan jenis kebangkitan Islam yang berbeza. Kebangkitan Islam yang lebih awal, lebih memperlihatkan kecenderungan untuk menolak pendekatan yang tidak kritikal terhadap model kemajuan Barat dan lebih menekankan penentangan terhadap penjajahan fizikal Barat. Pada ketika zaman

penjajahan, penekanan menentang pihak kolonial ditekankan, dan pada masa yang sama, wujud kesedaran untuk masyarakat Islam maju menggunakan model Barat, dan terdapat usaha untuk mentafsirkan semula Islam bagi memahami bahawa usaha-usaha pemodenan yang dilakukan tidak bertentangan dengan Islam. Oleh itu, tidak dinafikan, respons awal terhadap modeniti menunjukkan bahawa intelektual Melayu tidak menolak modernisasi dan kemajuan yang dibawa daripada Barat. Respons ini jelas diterangkan di dalam sebuah artikel bertajuk *Kemunduran dan Kemajuan Masyarakat Melayu dari Perspektif Akhbar-Majalah Melayu 1920-1941*, yang menerangkan usaha-usaha modernisasi di Tanah Melayu sangat sinonim dengan konsep ‘maju’ dan ‘moden’ yang tidak ditafsirkan di dalam konteks yang sempit dengan hanya mengaitkan konsep-konsep ini dengan Barat. Di dalam artikel tersebut, kedua-dua konsep ini mengikut A. Ghapa Harun:

... merujuk kepada situasi bagaimana sebuah masyarakat itu sentiasa berupaya menguasai kehidupan mereka, mampu bersaing untuk merebut segala peluang ekonomi yang terbuka dan sentiasa pula berusaha untuk meningkatkan pencapaian dan kedudukan sosio-ekonomi mereka ke tahap yang lebih tinggi (A. Ghapa Harun 1987: 75).

Namun begitu, melalui gelombang yang kedua, kebangkitan Islam digambarkan melalui respons yang lebih kritikal terhadap konsep kemajuan dan pembangunan, dan bagaimana untuk menangani isu antara Islam, sains, dan modeniti. Namun dapat dilihat bahawa gelombang kedua ini mempunyai kaitan dengan fasa kebangkitan Islam terdahulu, kerana kedua-dua perjuangan menggunakan Islam sebagai wadah, dan Islam merupakan teraju utama di dalam perkembangan masyarakat Melayu. Melalui DEB, negara Malaysia berjaya meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu, seterusnya meningkatkan kuantiti golongan kelas pertengahan di dalam masyarakat Melayu. Golongan ini mempunyai pengaruh yang kuat di dalam masyarakat moden, dan mereka cuba menghidupkan semula identiti Melayu Islam di dalam era yang serba mencabar ini, terutama di dalam menghadapi cabaran modeniti. Walaupun pada mulanya modernisasi adalah asing di dalam masyarakat Islam, namun ianya tidak dianggap

bertentangan sepenuhnya dengan Islam. Oleh itu, di dalam menghadapi suasana dan cabaran daripada modenisasi, wujudnya respons yang mahu mengekalkan identiti Melayu Islam di dalam keadaan yang sentiasa berubah, melalui usaha mempertahankan budaya tradisi Islam di dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, bagaimana untuk mengekalkan budaya tradisi ini di dalam dunia kontemporari? Oleh itu, wujudnya respons fasa kedua, iaitu respons pasca merdeka terhadap modeniti yang digerakkan khususnya oleh golongan intelektual Melayu Islam.

2.1 Kebangkitan Semula Islam di Malaysia

Fenomena kebangkitan Islam wujud kerana terdapat kesedaran secara menyeluruh bagi menghayati semula Islam sebagai suatu cara hidup berdasarkan al-Quran dan sunnah. Perkembangan Islam di Timur Tengah telah memainkan peranan dan sumbangan yang ketara dalam mempengaruhi perubahan asas di dalam proses kebangkitan semula Islam ini. Perkembangan Islam di Timur Tengah khususnya Iran, dianggap sebagai salah satu kuasa ideologi yang terkuat yang mempengaruhi kebangkitan semula Islam secara global 1970an dan 1980an terutamanya di dalam politik Islam semasa dan akhirnya mempengaruhi bidang-bidang yang lain termasuklah bidang sosial dan ekonomi. Namun, kebangkitan Islam secara menyeluruh ini merupakan sebahagian daripada kesinambungan daripada gerakan *islah* yang berlaku sebelumnya yang diasaskan oleh pemikiran dakwah dan politik Islam serta peranan pertubuhan yang diasaskan oleh tokoh-tokoh gerakan Islam seperti Hassan al-Banna (1906-1949) dengan al-Ikhwan al-Muslimun, Abu al-Ala al-Maududi (1903-1978) dengan Jamaat Islami, Ayatullah Khomeini (1902-1989), Ali Shariati (1933-1977) dengan revolusi Islam (Chandra Muzaffar 1985).

Sebelum merdeka, pemikiran *islah* telah dibawa oleh pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Abu Bakar

Al-Asy'ari, Haji Wan Musa Abd Samad, Haji Nik Abdullah Hj Wan Musa dan ramai lagi ke Tanah Melayu (Ahmad Zaki Abdul Latif, 2003). Di dalam aspek penerbitan, al-Imam sebuah majalah bulanan yang diterbitkan oleh pelajar Melayu jelas mempunyai pengaruh Timur Tengah dan isi kandungan majalah ini mempunyai pengaruh majalah al-Manar (diterbitkan di Cairo yang ditulis oleh modenis Egypt) yang menonjolkan isu agama, kepentingan kembali kepada al-Quran dan sunnah, amalan *ijtihad* dan menganggap kelemahan umat Islam adalah kerana pengabaian terhadap perintah Allah dan sunnah. Al-Imam juga mencadangkan reformasi pendidikan keagamaan yang perlu memasukkan pendidikan Arab, Inggeris dan moden dan menggalakkan pelajar menyambung pelajaran ke luar negara (William Roff 1967: 58). Penerbitan al-Imam mendorong perubahan pemikiran agama masyarakat Melayu, namun begitu, faham pembaharuan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu masih tetap dipengaruhi oleh ciri modenisme Barat. Gerakan perubahan ini lebih merujuk kepada golongan yang mewakili kaum Muda yang mempunyai sikap yang radikal yang mencetuskan perang pena dan perdebatan dengan Kaum Tua atau golongan ulama yang mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan masyarakat Melayu.

Di Malaysia, respons intelektual terhadap pengaruh Barat berlaku sejak akhir abad ke-19 dan awal ke-20, di mana terdapat dua kelompok Melayu yang utama, iaitu golongan elit tradisional Melayu yang dikenali Kaum Tua (menekankan pendekatan tradisional terhadap agama) dan golongan generasi muda Melayu yang dikenali dengan nama Kaum Muda (menekankan pendekatan rasional terhadap agama) yang dilatih dan dipengaruhi oleh ajaran agama di Mesir (William Roff 1967: 90). Kaum Muda menekankan usaha untuk memikirkan semula Islam bagi menyesuaikan kefahaman ini dengan keperluan situasi kontemporari, mengkritik adat Melayu, menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan serta menyertai aktiviti sosial, dan keadaan ini membolehkan orang Melayu turut serta di dalam meningkatkan taraf mereka di dalam situasi moden,

yang akhirnya akan menyebabkan perubahan sosial. Konflik antara Kaum Tua dan Kaum Muda berasaskan kepada kepentingan penggunaan akal di dalam menentukan kebenaran agama, dan meninggalkan fahaman menyeleweng yang semata-mata berdasarkan *taklid* (William Roff 1967: 77).

Kaum Tua diwakili oleh golongan ulama-ulama tradisional yang mempertahankan tradisi Islam yang lama, atau hanya melihat aspek sejarah atau masa lampau sebagai sesuatu perkara yang perlu dikekalkan. Mereka juga mempunyai sikap dan pandangan yang negatif terhadap pembaharuan dan perubahan, dan cuba membina jurang di antara tradisi Islam dan arus perubahan. Selain itu, mereka juga cuba mempertahankan tradisi Islam yang diamalkan dan dipraktikkan dari zaman berzaman.

Sementara itu, Kaum Muda yang wujud pada tahun 1920an-30an, cuba membawa ciri dan pembaharuan di dalam Islam, contohnya Syed Sheikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Za'ba dan lain-lain. Mereka mempunyai pemikiran yang berbeza daripada Kaum Tua serta memperjuangkan pembebasan dan menentang penjajahan British. Gerakan Kaum Muda juga cuba memperkenalkan idea-idea bernafas baru dan berbeza daripada amalan tradisi Islam sebelumnya yang diamalkan oleh Kaum Tua, dan menekankan peranan akal di dalam memahami Islam, dan dipengaruhi oleh gerakan *islah*. Tambahan pula, mereka memberi penekanan semula terhadap konsep *ijtihad*, dan kembali kepada al-Quran dan sunnah, serta menolak *taklid*. Kaum Muda juga mempunyai idea-idea yang digabungkan dengan modenis Islam yang dikembangkan menerusi media cetak, kemudiannya mempengaruhi kebangkitan identiti Islam di Malaysia (Nagata 1984, Furlow 2005). Walau bagaimanapun, pada awal 1970an, Islam menjadi isu utama di dalam perdebatan untuk menentukan identiti Melayu (Nagata, 1984) dan Islam juga dijadikan sumber di dalam bidang politik di Malaysia. Kemudian, timbul pula isu kebangkitan Islam yang sebahagiannya

diinspirasikan oleh revolusi Iran dan menyumbang kepada krisis identiti di dalam menghadapi persaingan etnik.

Sejarah rasionalisasi yang menekankan peranan akal boleh dilihat sewaktu penjajahan British di Tanah Melayu sehingga awal abad ke-20. British menguasai tanaman getah, perlombongan bijih timah dan mengawal hal ehwal ekonomi. Walaupun begitu, raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa untuk mengawal hal-hal yang lain dengan panduan pentadbir British (Nagata 1984). British memperkenalkan sains moden, pengurusan, pendidikan, kesihatan dan undang-undang moden ke Tanah Melayu. Kemasukan sains moden, institusi moden dan institusi sosial bertujuan untuk membantu ekonomi British di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, ilmu sains moden dipindahkan bagi memenuhi kepentingan pihak kolonial. Pada zaman penjajahan British, pihak British bersetuju untuk tidak campur tangan di dalam hal ehwal keagamaan dan budaya (atau adat) masyarakat Melayu, dan bidang-bidang ini ditadbir oleh pentadbir Melayu. Ini kerana dua institusi ini iaitu adat dan agama yang merupakan perkara penting di dalam kehidupan orang Melayu kurang memberi kesan kepada pentadbiran British (William Roff 1967: 70). Oleh itu, melalui hasil persetujuan ini, rasionalisasi sosial di Tanah Melayu atau kini dikenali Malaysia, berbeza daripada proses rasionalisasi di Barat. Kepercayaan tradisi dan nilai agama tidak terjejas dengan proses rasionalisasi ini kerana rasionalisasi hanya berdasarkan kepentingan keperluan tertentu. Rasionalisasi yang berlaku ketika zaman penjajahan British adalah disebabkan untuk memenuhi tujuan dan faktor tertentu pihak British. Tidak seperti di Barat, proses rasionalisasi sosial juga melibatkan rasionalisasi di dalam bidang keagamaan. Rasionalisasi di Malaysia pada zaman penjajahan British hanya berlaku di bidang-bidang yang berkait rapat dengan pentadbiran birokrasi, pendidikan dan kesihatan awam (Chai Choon Lee dan Mohd Hazim Shah 2010).

Oleh itu, pada zaman penjajahan British juga, kesempurnaan dan penyucian Islam bagi Kaum Muda bukan sahaja penting untuk membawa orang Melayu kembali ke jalan Islam yang sebenar, tetapi juga membolehkan orang Melayu mempunyai pemikiran yang membantu mereka untuk memacu dan mengarah kepada perubahan sosial dan ekonomi bagi meningkatkan taraf kedudukan orang Melayu. Oleh itu, mereka mencadangkan penginstitusian rasionalisasi di dalam masyarakat Islam yang membolehkan mereka bersaing di dalam dunia moden ini (William Roff 1967: 78).

Menurut William Roff:

They represent, on the other hand, an attempt by those Muslims with a more intensive experience of metropolitan Islam to purify ritual and belief from purely local innovations and, on the other, an attempt by urban-centered Muslims to reformulate Islam in response to the economic and social pressures of contemporary life (William Roff 1967: 79).

Namun begitu, sekiranya dilihat daripada sudut positif, perkembangan ini merubah aspek pemikiran masyarakat Melayu pada tahun 1920an dan 1930an, dan meningkatkan kemampuan pemikiran mereka menerusi *ijtihad* dan menolak *taklid* supaya membantu mereka bersikap lebih kritis, melihat semula pemahaman dan amalan agama, serta mereka mempunyai keinginan untuk kembali kepada sumber Islam asal iaitu al-Quran dan sunnah. Oleh kerana pendekatan gerakan *islah* ini lebih radikal dan menentang golongan Kaum Tua yang sedia ada mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat Melayu, gerakan ini kurang berjaya menyerapkan faham *islah* kepada masyarakat Melayu.

Pada awal abad ke-20, berlaku pertembungan di antara pemikiran kaum Tua yang enggan menerima pemikiran Barat dan berpusat di pondok-pondok, dengan Kaum Muda yang berpusat di madrasah-madrasah yang membawa aliran gerakan Timur Tengah bersama faham pemikiran moden Barat. Pertembungan ini menyebabkan perpecahan berlaku di kalangan ulama dan masyarakat Melayu. Keadaan ini menjelaskan perjuangan pembebasan Melayu daripada Barat baik dari segi fizikal maupun pemikiran. Namun begitu, kejayaan utama gerakan *islah* ini membantu

perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu dengan terbinanya madrasah-madrasah secara teratur contohnya madrasah al-Iqbal di Singapura, Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di Pulau Pinang, Ma'had al-Ihya' asy-Syarif di Semanggol Perak. Hasilnya, sistem pendidikan Islam mampu berhadapan dan bersaing dengan sistem pendidikan Barat dan melahirkan pemimpin agama seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang meneruskan pengajian mereka di Mesir dan memperjuangkan gerakan *islah* selepas tamat pengajian di sana. Malah, mereka juga berjuang menentang pemikiran sekularisme yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh Nasionalis Melayu sekular. Gerakan *islah* ini tidak berjaya memberi perubahan yang diharapkan dan hanya aktif kerana kehadiran tokoh-tokoh tertentu, dan tidak terdapat generasi penyambung kepada agenda perjuangan mereka. Walaupun demikian, masyarakat Melayu ketika itu sudah mempunyai sikap lebih terbuka terhadap pemikiran baru. Gerakan *islah* ini bersifat radikal dan membangkitkan penentangan pihak seperti golongan pembesar Melayu dan golongan ulama tradisional (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

Gerakan Kaum Muda yang dipengaruhi gerakan *islah* yang bercorak moden dan reformis menjadikan gerakan ini tidak bertahan lama. Namun tidak dapat dinafikan bahawa faham *islah* yang menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai teras perjuangan, tetap mempengaruhi pembentukan penubuhan politik Islam seperti Hizbul Muslimin dan apabila pertubuhan ini diharamkan, faham *islah* terus berfungsi menerusi parti politik Islam iaitu PAS. Pendekatan radikal gerakan *islah* yang menekankan kepentingan sumber al-Quran dan sunnah, tetapi mengabaikan keadaan sebenar masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada fahaman mazhab dan amalan tarekat, terbukti tidak berjaya. Masyarakat Melayu lebih tertarik kepada fahaman mazhab yang dikembangkan oleh ulama tempatan menerusi pendekatan ilmiah, sederhana dan evolusi. Perbezaan di antara pendekatan sederhana yang diamalkan oleh para ulama

Melayu (ulama moden) yang terlalu terbuka dengan pemikiran moden Barat, dan dipihak yang lain, ulama tradisional yang menolak pemikiran moden Barat, telah menyebabkan umat Islam menghadapi dilema untuk memilih pendekatan yang paling sesuai untuk masyarakat Melayu (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003: 109).

Terdapat perspektif baru di dalam gerakan-gerakan ini iaitu sikap kritis untuk menilai dan menapis tamadun Barat mengikut perspektif Islam dan menggambarkan semula Islam dalam bentuk cara hidup yang lebih sempurna. Gerakan ini menggambarkan aliran pemikiran Islam semasa yang kritikal untuk menghadapi cabaran pemikiran Barat terhadap Islam, dan hasilnya, mereka mampu menunjukkan kepincangan tamadun Barat serta membuat perbandingan Islam dengan ideologi sekular, dan seterusnya menunjukkan bahawa Islam mempunyai potensi sebagai penyelesaian masalah masyarakat moden.

Di dalam kajian Chandra Muzaffar (1985: 70-117), mengenai kebangkitan semula Islam, beliau cenderung menggunakan istilah *resurgence* di mana kebangkitan Islam dilihat sebagai tindakan bangkit kembali yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut; (i) pandangan dari perspektif yang lebih dasar iaitu suatu cara melihat kesan agama Islam di dalam diri penganutnya yang menunjukkan bahawa Islam menjadi kembali penting; (ii) merujuk kepada suatu keadaan yang pernah terjadi sebelum ini dan unsur-unsur kebangkitan Islam yang mempunyai pertalian dengan masa yang lampau, dan (iii) memperlihatkan bahawa kebangkitan Islam dilihat sebagai suatu ancaman bagi kedudukan pihak yang mempunyai kefahaman yang berbeza. Sementara itu, perkataan *revivalism* pula merujuk kepada kebangkitan kembali yang mempunyai pengertian kembali ke masa lampau dan keinginan menghidupkan semula apa yang sudah usang, namun tidak mewakili pergerakan kebangkitan Islam secara keseluruhan yang menekankan kepada al-Quran dan sunnah. Oleh itu, beliau menekankan istilah kebangkitan Islam dan menganalisis kebangkitan Islam ini sebagai suatu fenomena

sosial. Kebangkitan semula Islam yang sangat menonjol bermula pada 1970an, walaupun kebangkitan ini dapat juga dikesan dari 1930an (Nikki R. Keddie 1983: xx).

Chandra Muzaffar (1985) melihat kebangkitan Islam ini bukan sebagai suatu fenomena baru, malah telah berlaku lebih 200 tahun yang lalu yang dikaitkan dengan Muhammad bin Abd. Wahab dari Arab Saudi (abad ke-18), Jamaluddin al-Afghani (abad ke-19), Zia Golkap dari Turki (awal abad ke-20), Mulla hadi Sabzirawi dari Iran (abad ke-19) dan Syed Wali Allah Dilhaw-i dari India (abad ke-18) yang dikatakan mempunyai perbezaan di peringkat ideologi dan komitmen mereka kepada penafsiran mengenai Islam. Namun begitu, semua tokoh-tokoh ini telah mampu untuk memulihkan semula kedudukan Islam. Di Asia Tenggara khususnya di Malaysia, tokoh-tokoh intelektual Islam seperti Daud Patani, Tok Kenali, Sayyid Syeikh al-Hadi dan Tahir Jalaluddin, walaupun tidak begitu dikenali seperti pemikir Timur Tengah dan benua India, mereka juga merupakan perintis yang membawa kepada pembaharuan terhadap hukum dan konsep-konsep Islam, dan tokoh-tokoh yang menyemai kesedaran untuk bangkit semula agar kembali kepada al-Quran dan sunnah. Namun begitu, terdapat perbezaan terhadap isu dan pendirian yang ditonjolkan oleh generasi kebangkitan Islam dahulu dan sekarang. Kebangkitan Islam zaman penjajahan lebih menekankan kepada dominasi politik dan sistem kolonial, identiti dan perjuangan orang Islam untuk mencapai kemerdekaan, sementara kebangkitan Islam generasi pasca merdeka menekankan kepada pembebasan diri dan pemikiran daripada dikuasai oleh Barat.

Menurut Zainah Anwar (1990) pula, beliau melihat bahawa istilah kebangkitan semula Islam sering dikaitkan dengan bidang politik atas nama Islam, namun beliau berpendapat bahawa kebangkitan semula agama hadir di dalam kehidupan peribadi, dan kemudian barulah diterjemahkan dan diserlahkan di dalam politik. Situasi ini dilihat secara meluas di universiti-universiti serta institusi-institusi pengajian tinggi di

Malaysia (Zainah Anwar 1990: 29-30) dan jelas digerakkan oleh golongan terpelajar ketika itu.

Pada awal 1970an, gerakan Islam di peringkat politik tempatan dan antarabangsa sudah mula mempunyai pengaruh yang kuat berbanding dengan golongan nasionalisme yang berjuang mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah. Kebangkitan Islam dilihat seperti suatu peningkatan aktiviti politik berlandaskan Islam meliputi bidang agama, politik dan kehidupan manusia serta mempunyai ciri-ciri intelek, lebih bersifat global dan bukan bersifat tempatan sahaja. Kebangkitan Islam juga dilihat sebagai kebangkitan semula minat umat Islam daripada masa kebekuan pemikiran dan tindakan umat Islam kesan daripada kolonialisme Barat terhadap negara-negara Islam.

Pemikiran politik radikal Timur Tengah di dalam politik Melayu mula dikesan sejak pertengahan 1930an kerana dipengaruhi oleh perjuangan menentang British di Timur Tengah. Penubuhan madrasah dan penerbitan majalah yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu yang pernah belajar di Timur Tengah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran agama dan politik. Contohnya pemikiran al-Ikhwan al-Muslimun dapat dilihat di kalangan pelajar institut pengajian tinggi menerusi penubuhan dakwah al-Rahmaniah pada tahun 1963 kerana diasaskan oleh pelajar-pelajar Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya (JPIUM) dengan kerjasama pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya. Pemikiran al-Ikhwan al-Muslimun dapat dilihat jelas melalui penerbitan majalah an-Nur yang menampilkan pemikiran *tajdid* tokoh-tokoh gerakan seperti al-Ikhwan al-Muslimun, Jamaat Islami dan Masyumi. Namun begitu, JPIUM mempunyai masalah kepimpinan dan kemudian, muncul semula melalui penubuhan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

PKPIM menggunakan pendekatan dakwah Islam dan Anwar Ibrahim pada 1968 memimpin PKPIM berjaya mengukuhkan pergerakan pelajar ini. Pada ketika itu, PKPIM menjadikan al-Ikhwan al-Muslimun dan pandangan tokoh-tokoh pemikir Islam sebagai sumber rujukan intelektual di dalam usrah, di samping sumber pemikiran bagi menghadapi cabaran sosialis yang hebat di Universiti Malaya ketika itu, serta sebagai model perjuangan mereka di dalam penyebaran dasar Islam sebagai suatu cara hidup yang sempurna dan membentuk peribadi orang Islam. Pengaruh kebangkitan pelajar terlalu kuat menyebabkan kerajaan menubuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan 1975 (pindaan) bagi mengurangkan pengaruh PKPIM dan melemahkan gabungan kesatuan pelajar-pelajar Islam (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

2.2 Gerakan Islam di Malaysia

Perubahan ketara generasi muda masyarakat Melayu terhadap kebangkitan semula Islam pada tahun 1970an merupakan kesan daripada gerakan dakwah pelajar pada akhir tahun 1960an. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) diwujudkan pada tahun 1971 untuk menyambung perjuangan PKPIM khususnya oleh bekas pelajar IPT. Oleh itu, secara langsung, ABIM juga memperjuangkan Islam sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh. ABIM merupakan satu gerakan Islam yang ditubuhkan untuk meneruskan perjuangan belia Islam yang tidak diberi perhatian oleh pertubuhan lain di Malaysia. Secara jelas, ABIM mempunyai pengaruh yang kuat daripada tokoh intelektual pemikir Islam tempatan tertentu seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang merupakan sarjana penting yang mempengaruhi asas dan hala tuju perjuangan ABIM, mengilhamkan logo ABIM, serta mencetuskan idea penerbitan ABIM. ABIM dan PKPIM menjadikan Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai mentor mereka untuk membina gagasan perjuangan mereka.

Tokoh gerakan Islam seperti al-Ikhwan al-Muslimun di Mesir dan Jamaat Islami di Pakistan juga mempengaruhi ABIM menerusi karya-karya yang tersebar luas dan menjadi sumber rujukan ABIM. ABIM berdaftar secara sah mengikut perlumbagaan Malaysia. ABIM mengambil pendekatan dakwah yang terbuka, dan pendekatan dakwah mereka merangkumi bidang sosial, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, dan politik. Namun begitu, secara amnya, ABIM mengambil pendirian sederhana di dalam memperjuangkan Islam di Malaysia. Penekanan kepada ciri-ciri kejelasan matlamat, organisasi yang tersusun, keaslian wadah, kesinambungan perjuangan, penumpuan kepada belia, kesyumulan aktiviti, latihan kepimpinan, gabungan pengaruh tempatan dan luaran, sikap radikal yang rasional, intelektual menjadikan kemunculan ABIM dikatakan lebih dinamik dan progresif di dalam memacu perkembangan kebangkitan Islam di Malaysia (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003: 183) khususnya di kalangan pelajar dan masyarakat Melayu pada dekad 1970an yang banyak dipengaruhi oleh kebangkitan semula Islam secara global terutamanya di Timur Tengah.

Keadaan politik dan pemikiran Melayu zaman kebangkitan Islam zaman penjajahan berasaskan kepentingan memperjuangkan kedudukan dan hak bangsa Melayu (iaitu berdasarkan etnik), hak tanah air, bahasa Melayu dan agama Islam menjadi perhatian di dalam perjuangan mereka. Kemudian, zaman kebangkitan Islam pasca penjajahan yang berlaku pada tahun 1970an mempunyai fokus dan perhatian yang sedikit berbeza kerana perjuangan menentang pengaruh pemikiran Barat juga merupakan respons mereka terhadap modeniti. Di dalam konteks kebangkitan Islam di Malaysia, fenomena ini dapat dikesan melalui pertubuhan seperti PERKIM, Arqam, Tabligh dan ABIM dan serta pertubuhan pelajar lain yang mengambil pendekatan agama seperti PKPIM, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) yang mempunyai agenda menghalang pengaruh nasionalis berleluasa di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Selain

itu, terdapat juga organisasi seperti Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) yang ditubuhkan pada tahun 1977, yang diwujudkan oleh sarjana Melayu Islam yang berlatarbelakangkan pendidikan sains dan teknologi yang mempunyai cita-cita membentuk perkembangan sains dan teknologi yang serasi dengan Islam.

Perjuangan mendapatkan hak-hak orang Melayu juga secara langsung dipengaruhi Islam. Pada pertengahan tahun 1960-an, PBMUM dan PKPIM lantang menyuarakan kelemahan kerajaan untuk menangani masalah orang Melayu di dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, kesihatan dan juga menyuarakan isu pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kemudian selepas itu, pertubuhan-pertubuhan pelajar ini menekankan Islam dan keadaan ini memperlihatkan suatu evolusi yang secara langsung mengubah hala tuju pelajar-pelajar Melayu-Islam di universiti daripada usaha memperjuangkan soal bangsa Melayu semata-mata kepada usaha menegakkan semula Islam sebagai suatu cara hidup (Zainah Anwar 1990).

Perubahan ini juga diterapkan oleh ABIM sejak 1971 melalui kegiatan dakwah Islam yang menekankan cara hidup yang lengkap. Kesan dakwah ini membawa kepada perubahan yang amat ketara khususnya di dalam perkembangan agama, politik, pendidikan, sosial, ekonomi dan kebudayaan serta pemikiran masyarakat Melayu di Malaysia. Kewujudan pergerakan dakwah pada 1970an yang sangat rancak telah menggalakkan kelahiran organisasi dakwah kerajaan dan bukan kerajaan seperti Persatuan Ulama Malaysia (PUM) pada 1972, Institut Dakwah dan Latihan Islam 1974 dan Jam'iyyah Dakwah se Malaysia pada 1974 (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

2.3 Faktor-faktor Kebangkitan Semula Islam di Malaysia.

Kebangkitan semula Islam di Malaysia dipengaruhi oleh faktor yang berkaitan antara satu sama lain, namun begitu, faktor-faktor itu dikaitkan dengan faktor dan suasana tempatan yang berkait rapat dengan identiti kaum, faktor sosioekonomi,

penolakan fahaman Barat dan sekularisme, kekecewaan terhadap golongan pemerintah, tidak puas hati dengan dasar-dasar pembangunan kerajaan, rasa rendah diri dan terancam di dalam persekitaran sosial yang baru, akibat-akibat yang tidak dijangka daripada DEB dan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam politik yang menjadikan Islam suatu saluran politik yang penting. Sungguhpun begitu, faktor yang lebih penting yang mempengaruhi kebangkitan Islam adalah tarikan kuat ideologi kebangkitan semula Islam dan kerohanian Islam itu sendiri di dalam diri orang Islam ketika itu (Zainah Anwar 1990: 150-151).

Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa faktor kesedaran diri yang tinggi untuk kembali menghayati cara hidup Islam dan daya tarikan kerohanian (Zainah Anwar 1990) jelas mempengaruhi kebangkitan kesedaran Islam dikalangan masyarakat Melayu terutamanya dikalangan pelajar di IPT. Selain itu, faktor pemikiran juga memainkan peranan yang penting dan dipengaruhi oleh kefahaman tentang Islam sebagai suatu cara hidup lengkap yang diilhamkan oleh tokoh-tokoh al-Ikhwan al-Muslimun dan Jamaat Islami, dan kefahaman tentang Islam ini dilihat hasil kesan daripada gerakan *tajdid* dan *islah* pada awal abad ke-20. Kefahaman ini berjaya mempengaruhi minat pelajar Melayu di IPT untuk bergiat dengan dakwah dan secara langsung, berjaya mengubah pemikiran mereka yang sebelum ini sangat dipengaruhi oleh sekularisme. Pelajar Melayu yang menuntut pengajian di luar negara menghadapi suasana yang hampir sama kerana terdedah dengan fenomena sekularisme dan mendapati krisis nilai di Barat semakin ditahap yang membimbangkan. Di samping itu pada masa yang sama, mereka juga melihat kegagalan pihak pentadbir yang mewarisi tradisi pemikiran Barat dalam menghadapi masalah masyarakat dan negara.

Beberapa peristiwa telah menyumbang kepada kebangkitan Islam, antaranya rusuhan kaum antara Melayu dan Cina pada tahun 1969. Ketegangan hubungan antara kaum Melayu dan Cina disebabkan oleh faktor polisi pasca kolonial British dan

penglibatan orang Cina di dalam gerakan komunis. Rusuhan berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Rusuhan ini berpunca daripada ketidakseimbangan ekonomi antara Melayu dan Cina yang disebabkan oleh polisi kolonialisasi British. Ternyata, rusuhan ini menunjukkan bahawa terdapat limitasi di dalam usaha kerajaan untuk memastikan hubungan antara kaum yang harmoni, dan elemen ini merupakan perkara utama yang meningkatkan sokongan orang Melayu kepada parti UMNO selepas kemerdekaan. Tragedi 1969 juga menyebabkan kerajaan menukuhkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1970 sebagai respons utama daripada peristiwa ini.

Rusuhan kaum pada tahun 1969 antara lain telah menyebabkan beberapa polisi dan program di Malaysia selepas itu memberi lebih fokus kepada kaum bumiputera bagi mengubah struktur sosial orang Melayu (Husin Mutalib 1994). Hasilnya, terdapat perubahan yang mana bertambah golongan Melayu yang berpendidikan dan berjiwa Islamik disebabkan oleh DEB 1970, dan khususnya Polisi Pendidikan Baru yang membolehkan lebih ramai orang Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi di IPT di dalam dan luar negara. Peranan golongan berpelajaran ini mempunyai kesan terhadap wacana kebangkitan Islam di Malaysia kerana kehadiran golongan ini juga berjaya mengarah kepada peningkatan komitmen terhadap Islam, dan pada masa yang sama lebih kritikal terhadap cara hidup dan nilai dari Barat. Konflik yang dialami orang-orang Melayu yang berpelajaran disebabkan perubahan persekitaran telah mendorong mereka kembali menghayati Islam yang sebenar. Orientasi kesedaran Islam yang mereka alami berpunca daripada pendedahan terhadap banyak penulisan tentang dunia Islam yang didapati di universiti di luar negara tempat di mana mereka menyambung pelajaran, dan juga pembabitan mereka dengan *Muslim Students Associations* (MSA) dan *Islamic Representative Councils* (IRC) dan kebanyakan daripada persatuan-persatuan ini digerakkan oleh pelajar-pelajar dari India, Iran dan Timur Tengah (Husin Mutalib 1994). Perlu difahami bahawa rusuhan kaum yang

tercetus pada tahun 1969 telah merangsang kepada pembentukan polisi bagi menangani isu ketidakseimbangan sosioekonomi komuniti etnik-etnik di Malaysia dan mempercepatkan proses modenisasi di dalam masyarakat Malaysia. Keadaan ini telah merubah cara hidup dan semangat orang Melayu secara amnya. Kajian kebangkitan Islam secara global menunjukkan bahawa perubahan cara hidup Melayu kepada cara hidup yang lebih metropolitan telah menjaskan nilai spiritual orang Melayu, dan pada masa yang sama, golongan Melayu terpelajar yang sedar akan ancaman daripada perubahan spiritual ini mendorong mereka bangkit untuk mempertahankan identiti keislaman orang Melayu.

DEB dibentuk oleh Tun Abdul Razak Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia Kedua (1970-1976) pada 1970 adalah untuk meningkatkan perpaduan dengan mengkaji faktor asas iaitu ketidakseimbangan ekonomi yang menyebabkan krisis antara kaum. Oleh itu, tujuan DEB adalah membasmi kemiskinan semua kaum, dan kedua menghapuskan identiti pembahagian sektor ekonomi antara kaum. Berikut tujuan kedua, kerajaan cuba merapatkan jurang ekonomi dan melaksanakan program-program yang membantu meningkatkan kadar ekonomi orang Melayu, khususnya di dalam bidang pendidikan dan ekonomi. DEB membolehkan pelajar-pelajar Melayu dihantar ke luar negara untuk menyambung pelajaran dan membolehkan mereka bertemu dengan pelajar-pelajar lain dari seluruh dunia antaranya seperti pelajar dari kumpulan MSA di Amerika Syarikat. Pelajar-pelajar Melayu kembali ke Malaysia dengan identiti keislaman yang lebih menyerlah (Furlow 2005).

Minda para pelajar dipengaruhi oleh sarjana dan aktivis seperti Ismail al-Faruqi, S.H. Nasr, Sayyid Qutb, Hassan al-Banna dan Ali Shariati, begitu juga media. Pergerakan dakwah juga berlaku pada ketika itu. Dakwah merupakan istilah yang menggambarkan kumpulan Islam yang pelbagai dan kumpulan yang paling berpengaruh di Malaysia adalah ABIM, yang mempengaruhi kebangkitan Islam di Malaysia. ABIM

ditubuhkan oleh Anwar Ibrahim yang pada mulanya memperjuangkan hak bahasa Melayu, dan kemudiannya bertukar kepada perjuangan berfokuskan Islam.

Di dalam konteks Malaysia, peristiwa 13 Mei 1969 telah menyebabkan kerajaan mengatur dan menyusun kedudukan masyarakat, dan meningkatkan tahap sosioekonomi Melayu. Usaha ini dijalankan melalui pemberian peluang kepada lebih ramai pelajar Melayu yang berpotensi baik dari sekolah dan universiti tempatan, dan juga kakitangan pentadbiran Melayu ke luar negara bagi meneruskan pengajian ke tahap lebih tinggi. Usaha ini merupakan sebahagian cara bagi menghasilkan lebih banyak pakar bangsa Melayu berkelayakan dan mempunyai kepakaran khususnya di dalam lapangan sains dan teknologi serta pakar-pakar di dalam bidang lain untuk menyaingi kedudukan sosioekonomi kaum Cina. Namun begitu, kejutan budaya dihadapi oleh para pelajar Melayu tersebut kerana berhadapan dengan perubahan mendadak, iaitu daripada latar belakang kehidupan tradisional, dan beralih kepada kehidupan lebih moden yang mempunyai budaya berbeza, nilai sosial dan moral yang liberal. Kejutan budaya ini secara tidak langsung membuatkan pelajar Melayu yang belajar di luar negara rasa tersisih, tidak berkeyakinan dan bertindak memulaukan diri daripada masyarakat Barat. Disebabkan kejutan budaya ini, mereka lebih selesa bergaul dan menganggotai kumpulan Islam yang dapat membantu mereka berasa selamat, memberi gambaran dan tanggapan serta impian yang sama, dan mempunyai identiti, keupayaan dan kemampuan untuk menghadapi suasana baru itu walaupun pada waktu itu, kebangkitan semula Islam di kalangan pelajar Melayu di England berlandaskan pengaruh radikal hasil daripada ideologi Timur Tengah dan Pakistan (Zainah Anwar 1990: 55-56).

Gerakan radikal telah menghidupkan semangat Revolusi Islam 1979 di Iran yang diketuai oleh Ayatullah Khomeini (1902-1989), dan Ali Shariati (1933-1977) bagi menjatuhkan rejim Muhammad Reza Shah daripada dinasti Pahlavi (sebagai agen Amerika Syarikat untuk mendapatkan minyak di Iran) dan mengubah dasar polisi

penjajah. Kejayaan revolusi ini memberi semangat kepada gerakan Islam lain. Revolusi Iran ini dianggap petanda kegemilangan era baru di dalam Islam, namun kebimbangan yang dirasai dengan kebangkitan semangat revolusi ini dialami oleh dunia Barat sendiri dan negara-negara Islam yang lain yang dapat dilihat melalui reaksi banyak kerajaan Islam yang sekular, termasuk Malaysia. Tambahan pula, revolusi Iran merupakan satu-satunya indikator di dalam menandakan satu kebangkitan Islam secara universal dan sebagai kuasa utama politik dalaman dan antarabangsa. Bagi kebanyakan negara-negara Islam, revolusi ini menggambarkan bukan hanya sebagai suatu bentuk yang begitu simbolik tetapi penubuhan satu negara Islam yang mempunyai identiti tersendiri berdasarkan al-Quran dan sunnah serta ditadbir oleh golongan ulama. Namun apabila dirujuk dengan reaksi kerajaan dan UMNO ketika itu, UMNO hanya mengambil reaksi yang pasif atau diam walaupun semangat revolusi ini dibawa oleh pertubuhan bukan kerajaan untuk menggalakkan hubungan Malaysia dengan identiti Islam yang global.

Sungguhpun demikian, pendekatan revolusi itu tidak digunakan di Malaysia dan pertubuhan seperti ABIM di bawah pimpinan Anwar Ibrahim ada mewujudkan sedikit jarak bagi memastikan pertubuhan tersebut tidak terpengaruh secara total dengan gerakan revolusi tersebut. Namun diakui pada peringkat atas di peringkat antarabangsa, revolusi Iran telah menyediakan galakan yang penting bagi gerakan kumpulan dakwah dan PAS untuk menggalakkan kebangkitan Islam di Malaysia melalui golongan-golongan muda. Walaupun Malaysia ada mengadakan hubungan perdagangan dengan Iran, namun kerajaan Malaysia berpandangan bahawa hal mengenai revolusi adalah bersifat dalaman. Oleh itu, reaksi rasmi kepada revolusi Iran perlu difahami daripada konteks yang lebih luas. Secara jelasnya, reaksi terhadap revolusi Iran oleh gerakan dakwah hanya pada peringkat awal iaitu sebagai sumber inspirasi dan meningkatkan tahap keyakinan untuk berjuang atas dasar Islam (Shanti Nair 1997: 73-76).

Chandra Muzaffar (1985: 73) di dalam artikelnya yang bertajuk *Kebangkitan Islam: Suatu Pandangan Global* menjelaskan bahawa kebangkitan Islam di Malaysia mempunyai kaitan dengan keadaan politik dan sosial masyarakat Melayu yang juga dipengaruhi oleh perubahan keadaan kebangkitan Islam yang berlaku secara global di negara-negara Islam yang lain.

Ciri-ciri intelektual dilihat mempunyai pelbagai tahap, dibentuk oleh struktur dan pengalaman. Satu ciri umum yang menyerlah adalah berdasarkan kepercayaan yang kuat terhadap al-Quran dan sunnah dan harus menjadi sumber di dalam bidang politik, ekonomi, budaya, pendidikan, undang-undang dan pemerintahan sebagai cerminan usaha untuk kembali kepada kehidupan sebenar. Kebangkitan Islam ini juga bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan berdasarkan perspektif Islam sebagai suatu alternatif bagi sistem pendidikan yang sedia ada di dalam kebanyakan negara-negara Islam.

Pendukung kebangkitan ini mempunyai kecenderungan bagi mengambil sikap yang kritis terhadap peradaban Barat. Peradaban Barat harus ditolak kerana konsep pembangunan yang dibawa oleh peradaban Barat sangat bertentangan dengan kepentingan dunia Islam dan pada masa yang sama menegaskan kembali kepada al-Quran dan sunnah. Tulisan-tulisan Maududi dari Pakistan, di Timur Tengah seperti Hassan al-Banna, Sayyid Qutb, Muhammad Qutub, dan tokoh Ikhwan al-Muslimin yang lain merupakan tokoh yang terkenal yang mempunyai pendekatan yang kritis terhadap Barat. Dalam bidang falsafah, karya-karya Nasr dan Naquib al-Attas mempunyai kepentingan di dalam mempertingkatkan kepercayaan intelektual tertentu di dalam kebangkitan Islam ini (Chandra Muzaffar 1985).

Namun begitu, terdapat sikap untuk menyerap ciri-ciri yang dianggap baik dari Barat, tetapi pada masa yang sama, tetap memelihara Islam di dalam bentuk ritual dan

perilaku. Ini kerana Islam juga dianggap pendorong modenisasi peradaban Barat dan ciri-ciri tradisi utama Barat memang telah dimiliki Islam seperti demokrasi, sosialisme, dan sains merupakan sebahagian dari Islam dan oleh itu, isu peniruan dari Barat tidak boleh ditimbulkan dan gambaran positif kehidupan Barat dianggap tidak asing bagi Islam (Chandra Muzaffar 1985).

Sebaliknya apabila krisis nilai di dalam peradaban Barat semakin jelas kelihatan, persepsi baru tentang peradaban Barat, dan kesedaran tentang hak-hak ekonomi dan budaya mendorong keinginan untuk memiliki identiti Islam tersendiri yang tidak terdapat pada waktu kolonial. Pada masa yang sama, generasi baru yang menuntut di Barat tidak lagi merasa kagum dengan peradaban Barat dan beralih kepada agama sebagai sumber inspirasi. Faktor pola kehidupan kelompok elit Islam yang mendokong cara hidup kapitalisme yang menyimpang dari nilai keadilan, membawa cara hidup peradaban Barat, ideologi asing dan sebagainya memberi kesan terbesar di dalam pemikiran orang Islam.

Kebangkitan Islam menekankan identiti Islam di dalam menghadapi cabaran moral, materialistik dan pada masa yang sama memelihara kepentingan tradisi dan cara hidup Islam. Pertalian di antara kelas buruh dan kelas menengah dan pertembungan cara hidup di dalam masyarakat setelah kemerdekaan merupakan ciri yang paling menonjol di dalam kebangkitan Islam dan menunjukkan pertalian kuat di antara kebangkitan Islam dan perubahan sebenar sosiologi. Dimensi perubahan sosiologi disebabkan pendatang dari kampung ke bandar mempunyai cara kehidupan yang berbeza di samping dimensi etnik yang merujuk kepada penghuni bandar yang kebanyakannya terdiri daripada bukan Islam dan mempunyai tahap ekonomi yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk beragama Islam. Faktor ini memperkuatkan kebangkitan Islam di Malaysia. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa kebangkitan Islam di Malaysia sangat berkait rapat dengan masalah etnik, dan kebangkitan ini semakin jelas pada akhir

1970an setelah berlakunya perpindahan yang lebih besar ke bandar oleh orang Islam dari kampung. Selain itu, faktor tekanan psikologi yang disebabkan oleh kekosongan spiritual di kalangan penghuni bandar juga mempunyai peranan di dalam menjelaskan kebangkitan Islam. Kebangkitan Islam membantu ke arah pencarian cara hidup alternatif, dan membantu mempertahankan peranan ketuhanan di kalangan elit sekular. Kesedaran ini mempengaruhi perubahan sosial di peringkat individu dan masyarakat.

Selain daripada itu, sejarah tamadun Islam pada abad ke-8 hingga ke-12 menggabungkan penyelidikan dengan sains tradisional. Oleh itu, daripada pencapaian berdasarkan sejarah tamadun Islam, perlu suatu pendekatan analitik terhadap Islam yang tidak mengabaikan pencapaian pada waktu tersebut dan pandangan yang evaluatif harus dibentuk terhadap peradaban Barat. Salah satu aspek penting di dalam pendekatan yang analitik ini adalah kecenderungan menyerapkan pengetahuan sejarah dan sosiologi di dalam mengkaji al-Quran dan sunnah. Pendekatan analitik juga perlu dibuat terhadap peradaban Barat kerana peradaban Barat sama seperti peradaban Timur sangat kompleks dan memerlukan penilaian yang mendalam (Chandra Muzafar 1985). Penilaian yang kritis tidak boleh hanya menekankan ciri negatif peradaban Barat, malah perlu mengakui unsur positif yang ada di dalam peradaban tersebut.

Terdapat dua sebab mengapa pendukung kebangkitan Islam gagal mengambil satu pendekatan yang analitik terhadap Islam, dan pendekatan yang evaluatif terhadap tamadun Barat kerana, pertama peradaban Islam baru saja bebas dari kekuasaan kolonial daripada aspek fizikal, dan cenderung menekankan aspek ketulenan agama untuk menegaskan identiti keislaman mereka. Kedua, sejarah kolonialisme dan pengalaman sejarah itu menghalang pendukung kebangkitan Islam melakukan penilaian secara lebih objektif terhadap peradaban Barat kerana penilaian yang objektif hanya mampu dilakukan oleh peradaban yang mapan seperti peradaban Islam sewaktu abad ke-8 hingga ke-12 kerana ketika itu, peradaban Islam mempunyai kebolehan untuk

memilih yakni menyerap dan memasukkan unsur-unsur asing, sementara pada masa yang sama mempertahankan identitinya (Chandra Muzaffar 1985).

Tambahan pula, pendukung kebangkitan Islam enggan membuat penilaian yang objektif terhadap peradaban Barat kerana terdapat keimbangan untuk menyerap unsur dari luar yang boleh menghakis identiti keislaman dan menjelaskan kedudukan kepimpinan mereka. Namun begitu, pada masa yang sama, keadaan ini juga menghalang perkembangan suatu pendekatan analitik terhadap Islam juga. Di samping itu, mereka juga gagal melakukan penilaian objektif terhadap peradaban Barat kerana mereka tidak memiliki kefahaman yang cukup untuk memahami aspek-aspek peradaban Barat yang memerlukan kefahaman dan pengetahuan tentang sejarah, falsafah, sistem ekonomi dan politik Barat. Mereka juga bimbang untuk berinteraksi dengan Barat kerana bimbang akan memesongkan mereka daripada Islam. Oleh itu, amat penting para pemikir dan pemimpin memiliki nilai-nilai Islam dan pandangan dunia Islam, tetapi mampu memahami kelemahan dan kekuatan peradaban Barat (Chandra Muzaffar 1985).

Kebangkitan Islam di Malaysia pada era 1970an juga dikaitkan pembabitan semula Tun Dr Mahathir Mohamad dalam dunia politik dan polisi pengislaman yang digubal oleh kerajaan dibawah pimpinannya selepas beliau memegang tumpuk pentadbiran (Husin Mutalib 1994). Antara hasil yang jelas pada 1980an adalah pengajuran seminar yang bertajuk *The Concept of Development in Islam* pada 1981, deklarasi untuk melaksanakan undang-undang yang lebih Islamik, menilai semula sistem undang-undang negara supaya lebih selaras dengan undang-undang Islam, menubuhkan institusi ekonomi yang Islamik, pembabitan Anwar Ibrahim di dalam polisi pengislaman kerajaan, penambahbaikan Pusat Islam, penubuhan Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) bagi mengordinasikan aktiviti-aktiviti dakwah yang ada di Malaysia dan deklarasi bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang menyokong agama Islam yang terbesar di Malaysia di samping menggalakkan

pembangunan yang seimbang antara material dan spiritual. Sementara itu, Malaysia terbabit secara aktif di dalam *Organisation of Islamic Conference* (OIC). Namun di sebalik analisis perkembangan pentadbiran beliau yang mendorong ke arah pengislaman, keadaan ini juga banyak disumbangkan oleh tekanan yang diberikan oleh PAS dan beliau juga sedar pertalian rapat antara Islam dan masyarakat Melayu yang tidak boleh dipisahkan. Perkembangan Islam di dalam bentuk yang lebih terancang ini dikaitkan dengan fenomena dakwah yang berlaku.

Faktor fenomena dakwah dan pergerakan dakwah (Husin Mutalib 1994, Zainah Anwar 1990) banyak dibincangkan dan fenomena ini mencerminkan aktiviti-aktiviti organisasi Islam di negara ini antaranya organisasi seperti ABIM, Darul Arqam, PERKIM dan Jamaat Tabligh. Kegiatan dakwah ini memberi implikasi yang merumitkan kepada suasana politik di Malaysia. Kumpulan-kumpulan dakwah ini mula menuntut kepada penekanan penubuhan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana mereka melihat Islam bukan sahaja setakat mengajar penganutnya mengamalkan Islam yang sebenar, malah kerajaan juga mesti mempunyai sistem pentadbiran yang bersifat Islamik, dan keadaan ini diharap dapat mengubah dan mengelakkan budaya Barat daripada terus menguasai Malaysia.

Faktor penyebab lain kebangkitan Islam di Malaysia adalah dengan kehadiran PAS, sebagai sebuah parti Islam yang memberikan banyak tekanan terhadap proses pengislaman di Malaysia (Husin Mutalib 1994). Parti ini juga sangat kuat menuntut kepada penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia dan akhirnya, hasil kerjasama parti ini dengan beberapa parti yang lain seperti Semangat 46 berjaya menawan negeri Kelantan di dalam pilihanraya 1990. Menerusi kepimpinan ulama di dalam PAS melaungkan keinginan mereka untuk mengubah wajah Kelantan menjadi lebih Islamik, dan isu negara Islam merupakan alternatif kepada kepimpinan UMNO yang dianggap sekular, berdasarkan etnik dan bersifat nasionalis. PAS disifatkan sebagai sebuah parti

yang menawarkan bentuk politik yang bukan berdasarkan etnik dan mereka mempersoalkan kebolehan UMNO mentadbir negara kerana dilihat cuba memisahkan politik dan agama. Selepas memenangi negeri Kelantan, PAS menyatakan niat mereka untuk melaksanakan hukum *hudud*. Namun implikasi yang serius terhadap pelaksanaan ini adalah tiada lagi kuasa atau peranan sultan sebagai ketua agama di dalam setiap negeri.

2.4 Gerakan dakwah di Malaysia.

Sejarah gerakan Islam pada tahun 1960an memperlihatkan bentuk organisasi yang lebih tersusun terutama di IPT, contohnya di Universiti Malaya (UM), dan para pemimpin pelajar mendapat peluang dibimbing tokoh-tokoh ilmuan tempatan seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Uthman El-Muhammady. Golongan belia Islam di IPT mengambil Islam sebagai idealisme perjuangan dan percaya bahawa Islam dan politik mempunyai hubungan yang padu. Pandangan ini amat berbeza dengan sekularisme kerana sekularisme berusaha memisahkan politik dari agama dan pada masa itu, gerakan sekularisme merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh gerakan kebangkitan Islam di Malaysia pada tahun 1970an. Kejayaan yang dicipta melalui perjuangan Islam oleh pelajar IPT sejak 1960an lagi disebabkan oleh perubahan faham agama sebelum ini yang menjurus daripada ritualisme semata-mata, berubah kepada kefahaman bahawa Islam merupakan suatu cara hidup yang lengkap. Perubahan ini menjadi asas pemikiran dan perjuangan ABIM yang seterusnya diperluaskan kepada masyarakat Melayu secara amnya di Malaysia.

Pada masa yang sama, orang Melayu ketika itu cuba mencari cara yang terbaik bagi meningkatkan perpaduan di antara pelbagai kaum. Sehubungan dengan itu, ABIM cuba menekankan bahawa Islam sebagai cara penyelesaian kepada masalah masyarakat berbilang bangsa serta isu perkauman. ABIM mencadangkan pelaksanaan undang-

undang yang menyeluruh berdasarkan perspektif Islam bagi menggantikan undang-undang yang berwajah sekular yang diamalkan sejak zaman kolonial dan juga bercita-cita untuk menghidupkan semula zaman kegemilangan tamadun keilmuan Islam melalui usaha pengislaman ilmu-ilmu moden dari Barat (Ahmad Zaki Abdul Latif, 2003: 210-211). ABIM juga dilihat sebagai gelombang pertama dalam arus kebangkitan semula Islam di Malaysia (Zainah Anwar 1990: 53). Gelombang kedua gerakan dakwah bermula pada pertengahan hingga lewat tahun 1970an apabila beratus-ratus pelajar Malaysia pulang dari England yang dipengaruhi oleh pergerakan seperti Ikhwan al-Muslimun (Mesir) dan Jamaati Islami (Pakistan) (Zainah Anwar 1990: 53).

Kebangkitan dakwah pada tahun 1970an dilihat berjaya mengubah perjuangan orang Melayu sebelum ini yang berdasarkan pengaruh etnik atau semangat keMelayuan, kepada perjuangan yang lebih bersifat universal dan antarabangsa. Selain itu, melalui pendekatan dakwah dilihat berbeza jika dibandingkan dengan pendekatan *islah* sebelumnya. Perbezaan ini kerana pada 1970an, gerakan dakwah sudah mampu mengkritik Barat bersumberkan pemikiran Islam, dan berusaha menapis pandangan Barat berdasarkan perspektif Islam. Kebolehan gerakan Islam untuk menggalakkan tafsiran semula Islam dan mengkritik kelemahan Barat berjaya memberi inspirasi, menyuntik semangat dan keyakinan baru kepada intelektual Islam yang mempunyai latarbelakang pendidikan sekular untuk turut serta memperjuangkan Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap. Contoh perjuangan intelektual Islam yang mempunyai pendidikan Barat dapat dilihat menerusi ASASI. Perjuangan ASASI yang dipelopori oleh cendekiawan Melayu yang mempunyai kepakaran di dalam bidang sains dan teknologi untuk membawa pembaharuan dan kesedaran tentang Islam khususnya di dalam pembangunan sains dan teknologi di Malaysia.

Pada awal tahun 1980an, gerakan Islam di Malaysia dilihat terpaksa berhadapan dengan pengaruh revolusi Iran. Namun begitu, PAS dan ABIM mempunyai pandangan

yang sealiran bahawa revolusi Iran hanya boleh setakat menjadi sumber inspirasi dan rujukan pengalaman untuk masa hadapan. Walaupun begitu, dapat dilihat bahawa terdapat hubungan melalui siri lawatan tokoh-tokoh gerakan Islam Malaysia ke Iran dan rapat umum yang menyokong revolusi Iran. Sungguhpun kebangkitan menentang sekularisme ketika itu sangat kuat, ABIM juga terpaksa mengalami perubahan yang besar apabila presidennya, Anwar Ibrahim (1974-1982) bertindak menyertai UMNO pada 29 Mac 1982. Kehadiran Anwar Ibrahim ke dalam UMNO secara langsung menyebabkan gerakan Islam menjadi lemah khususnya untuk menentang kerajaan. Kekuatan pengaruh Anwar Ibrahim sebagai pemimpin Islam ketika itu dianggap sebagai simbol orang Islam menentang pihak sekular dan selepas perpindahan beliau, kelebihan ini dirasai oleh UMNO di dalam menghadapi gelombang kebangkitan Islam di Malaysia ketika itu. ABIM terpaksa merelakan penyertaan Anwar Ibrahim di dalam UMNO, walaupun terdapat tentangan daripada aktivis yang lain. Sungguhpun demikian, ABIM menganggap perpindahan Anwar Ibrahim sebagai usaha *ijtihad* sendiri seorang pemimpin Islam, tetapi bukan dianggap *ijtihad* secara kolektif (Ahmad Zaki Abdul Latif, 2003: 231). Perpindahan Anwar Ibrahim menjelaskan hubungan ABIM dengan gerakan Islam yang lain contohnya PAS. ABIM terpaksa membina dan menyusun strategi dan memilih pendekatan dakwah secara sederhana untuk menghadapi ketegangan situasi yang menyebabkan krisis kepercayaan kepada barisan kepimpinan ABIM yang ada. Dr Siddiq Fadzil kemudiannya memainkan peranan membantu ABIM dengan memperkenalkan pendekatan yang sederhana berdasarkan perspektif Islam. Pendekatan sederhana ini menggabungkan orientasi *salaf* (tradisi amalan Islam di awal perkembangan Islam) dengan *tajdid* (prinsip pembaharuan berteraskan nilai-nilai keagamaan). Menurut Ahmad Zaki (2003: 234), dari aspek tindakan, kesederhanaan bukan dianggap lemah dan mengalah tetapi kesederhanaan merujuk kepada perbuatan mengikut kemampuan dan keperluan serta dapat mengimbangi antara realiti dan ideal.

Dari segi sikap pula, sederhana bererti tidak terlalu ketat dan tidak terlalu longgar, dan konsep sederhana inilah yang ditekankan oleh al-Qaradawi. Keseluruhan pendekatan ini membentuk suatu budaya dakwah yang baru bagi ABIM yang dikenali sebagai *Manhaj Maliziy*.

Manhaj Maliziy merujuk kepada cara dan pendekatan keMalaysiaan di dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan masyarakat Malaysia, pendekatan Islam yang tidak meminggirkan keadaan setempat atau penyelesaian Islam yang mengambil kira perspektif keMalaysiaan. Menurut perspektif ABIM, gerakan Islam di Malaysia perlu lebih objektif dan peka dengan keadaan setempat, dan karya-karya pemikiran gerakan Islam semasa yang mengambil kira keadaan sebenar Malaysia. Pendekatan ini tidak dipersetujui PAS dan menganggap ABIM seperti gerakan Islam *non-partisan* yang berkerjasama dengan pemerintah sekular bagi melaksanakan program 'Islamisasi kosmetik' pemerintah (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003: 236-237) dan konsep penerapan nilai-nilai Islam yang dicadangkan pemerintah tidak menepati ajaran Islam dan hanya bersifat tempelan. ABIM kemudiannya mencadangkan pengislaman yang mempunyai sifat lebih luas daripada hanya setakat penerapan nilai-nilai Islam. Namun begitu, cadangan ABIM tidak mendapat sokongan. Sebaliknya, mengikut kaca mata pemerintah, dasar nilai-nilai Islam lebih senang diterima dan difahami oleh orang-orang bukan Islam daripada konsep pengislaman (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003: 246-247).

Selain itu, Zainah Anwar (1990) menyifatkan bahawa penterjemahan ideologi lebih luas berjaya mempengaruhi lebih ramai pengikut di dalam kebangkitan semula Islam. Ini disebabkan kebolehan dan kelonggaran kebangkitan semula Islam untuk ditafsir dan diterjemah untuk menepati keperluan khusus seseorang. Keperluan khusus ini contohnya dapat memberi kepuasan yang berbeza kepada orang yang berlainan, sama ada daripada aspek rohani, sosial, politik, psikologi, atau kesemuanya sekali.

Gerakan dakwah Islam di Malaysia berubah pada awal 1990an kerana gerakan ini mengalami zaman kelesuan, dan kekurangan kekuatan di peringkat dalaman. Keadaan ini disebabkan kesan pengaruh hidup masyarakat Melayu yang semakin meningkat dan keadaan sosioekonomi yang lebih baik. Disebabkan keadaan ini, peranan gerakan dakwah yang menyebarkan mesej Islam sebagai cara hidup turut dilakukan oleh institusi-institusi Islam yang ditubuhkan kerajaan seperti Pusat Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), YADIM dan jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Terdapat perbezaan pendekatan golongan politik kepartian dan gerakan dakwah. Pendekatan sederhana diamalkan oleh badan dakwah seperti ABIM, manakala PAS mengambil pendekatan radikal-emosi ketika itu. Namun begitu, wujud juga kekeliruan di dalam memahami hubungan sebenar antara politik dan agama. Oleh itu, bagi meningkatkan pengaruh PAS, parti ini telah berkerjasama dengan parti politik lain. PAS melihat bahawa di dalam konteks Malaysia yang mempunyai rakyat yang majmuk yang memerlukan kerjasama daripada pelbagai parti, dan akhirnya, gabungan PAS dan parti lain (seperti DAP) berjaya memenangi negeri Kelantan pada pilihanraya tahun 1990 (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

Kredibiliti keislaman Anwar telah berjaya meningkatkan kredibiliti Islam UMNO bagi menghadapi cabaran kebangkitan Islam ketika itu, dan meninggalkan kesan kepada usaha ‘pengislaman’ yang kemudian merupakan sebahagian daripada polisi rasmi kerajaan (Lotfalian, 1999). Pada 1980an dan 1990an, terdapat beberapa pelaksanaan program formal dan tidak formal yang dianjurkan oleh kerajaan, termasuklah sistem perbankan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), masjid negara, sistem perundangan syariah dan galakan untuk mengintegrasikan simbol-simbol Islam di dalam rekaan bangunan. Pada masa yang sama, usaha kerajaan juga mendapat kritikan daripada banyak organisasi Islam khususnya di dalam usaha-

usaha kerajaan yang memperlihatkan seolah-olah UMNO seperti menggunakan simbol-simbol Islam dan memanipulasi Islam bagi kepentingan politik sendiri termasuklah di dalam usaha mereka berdepan dengan PAS dan kumpulan Islam yang lain di dalam membentuk identiti rakyat Malaysia. Isu-isu sebegini merupakan isu utama di dalam wacana yang membincangkan tentang modeniti di Malaysia.

Sementara itu, Anwar Ibrahim menekankan pendekatan sederhana di dalam UMNO terutama bagi menghadapi isu sekularisme dan pembangunan sekitar 1990an. Konsep masyarakat madani yang dicadangkan oleh beliau bertujuan untuk membolehkan Malaysia maju menurut acuan Islam. Konsep ini diharap dapat menggantikan konsep 'maju' mengikut acuan Barat. Anwar Ibrahim menolak pendekatan ekstrem tetapi menggalakkan sikap pragmatik yang sesuai dengan masyarakat Malaysia yang majmuk. Di dalam usaha mengukuhkan pendekatan sederhana dalam dakwah dan mengembangkan pemikiran Islam kontemporari oleh tokoh-tokoh gerakan Islam Timur Tengah, Anwar juga menjemput pendakwah dan bekas pimpinan al-Ikhwan al-Muslimun iaitu Syeikh Muhammad al-Ghazali pada tahun 1995, dan tokoh lain seperti Syeikh Yusuf al-Qaradawi pada tahun 1996. Lawatan tokoh-tokoh ini memberi ruang untuk meluaskan pemikiran mereka, dan hasil penulisan mereka diterjemah ke dalam bahasa Melayu, dan idea pemikiran mereka juga disebarluaskan melalui akhbar-akhbar harian, jurnal, majalah dan kajian ilmiah di peringkat tinggi. Di samping itu, penyebaran pemikiran tokoh-tokoh lain juga disebarluaskan seperti pemikiran Hassan al-Banna, Sayid Qutb, Ismail al-Faruqi, Dr Abdul Hamid Abu Sulayman, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan ramai lagi. Suasana ini memperlihatkan adanya hubungan yang rapat antara Anwar Ibrahim dengan tokoh-tokoh pemikir gerakan Islam Timur Tengah, namun begitu, Anwar Ibrahim mempunyai pendapat bahawa pemikiran dari Timur Tengah hanya dijadikan sebagai sumber

inspirasi, kerana mengambil kira Malaysia mempunyai keadaan dan kekuatan tersendiri (Ahmad Zaki Abdul Latif 2003).

Ketika masyarakat Melayu mengalami fenomena kebangkitan Islam yang hebat pada 1970an, ABIM telah muncul pada tahun 1971 yang berperanan sebagai penggerak utama dakwah dan menjadi sebuah gerakan Islam di rantau Melayu. Gerakan Islam di Malaysia menentang pemikiran sekular dan gerakan dakwah ini didominasi oleh golongan terpelajar serta menjadi asas kebangkitan Islam di Malaysia yang mempunyai hasrat untuk kembali menghayati Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap dan mengambil revolusi Iran sebagai sumber inspirasi. Kebangkitan semula Islam di Malaysia mempunyai elemen-elemen baru yang wujud seperti yang dijelaskan oleh Zainah Anwar iaitu:

Pertama, ...pelajar-pelajar Melayu berpendidikan Inggeris dan dari bandar terlibat dengan mendalam dalam kebangkitan semula sekarang. Kedua... Barat tidak lagi menjadi contoh atau sumber penyelesaian masalah kemunduran orang Melayu seperti dahulu ...Kini Islam menjadi penyelesaian bagi semua masalah masyarakat. Ketiga, tiada langsung unsur memperjuangkan bangsa Melayu dalam kebangkitan semula ini sekarang... Keempat, dasar-dasar kerajaan ...telah mengubah kehidupan orang Melayu dalam tempoh yang singkat, dari masyarakat tani yang mereka kenali kepada hidup moden di kotaraya yang penuh persaingan dan kebimbangan. Semua akibat berhubung dengan dasar-dasar ini mempunyai kesan yang mendalam terhadap perjalanan dan corak kebangkitan semula di Malaysia hari ini (Zainah Anwar 1990: 22-23).

Namun di Malaysia, menurut Zainah Anwar (1990), Islam menjadi ideologi yang utama di dalam kebangkitan semula Islam berdasarkan kepercayaan-kepercayaan:

1. bahawa Islam merupakan cara hidup yang sempurna dan disebabkan itu, agama tidak boleh diasingkan daripada politik, negara, undang-undang dan masyarakat;
2. kegagalan masyarakat Islam adalah disebabkan mereka tidak memahami fahaman Islam dan menyimpang daripada Islam dengan terpengaruh dengan ideologi serta nilai sekular Barat;
3. Sumber al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad dijadikan ilham utama di dalam menyeru pembaharuan ke arah revolusi sosial dan politik berdasarkan Islam;
4. undang-undang yang diwarisi Barat perlu digantikan dengan undang-undang Islam bagi menegakkan semula pemerintahan berbentuk Islam;
5. walaupun reaksi terhadap pembaratan masyarakat dikutuk, namun pemodenan tetap diterima, contohnya melalui sains dan teknologi tetapi mestilah yang serasi dengan Islam bagi menghindari daripada nilai-nilai sekular Barat meresap ke dalam masyarakat Islam (Zainah Anwar 1990: 18)

Penekanan kembali Islam di dalam segenap kehidupan manusia menggambarkan kepercayaan yang merujuk kepada respons masyarakat Islam terhadap modeniti bukanlah berbentuk penolakan sepenuhnya terhadap pemodenan, tetapi merupakan respons terhadap modenisasi, yang memperlihatkan bahawa gerakan kebangkitan Islam tidak menolak pemodenan, tetapi keadaan modenisasi haruslah sejajar dengan prinsip-prinsip ajaran Islam, dan respons pasca penjajahan sebegini diperjuangkan oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari di peringkat tempatan dan antarabangsa yang mempunyai pendidikan Barat dan dipengaruhi oleh sumber pemikiran Islam dari Barat seperti Amerika Utara. Dapat dilihat bahawa isu-isu yang dibangkitkan semasa gelombang kebangkitan Islam 1970an bukan lagi berkisar kepada kepentingan dan hak bangsa Melayu, tetapi lebih tertumpu kepada kepentingan Islam secara menyeluruh di dalam kehidupan. Tambahan lagi, kebangkitan Islam era pasca penjajahan ini dirancakkan lagi dengan kewujudan lebih ramai golongan Melayu kelas pertengahan yang lebih peka dengan cabaran modenisasi.

2.5 Malaysia dan Kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad

Identiti Islam di Malaysia yang digambarkan melalui pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad adalah melalui satu pendekatan terhadap interpretasi yang betul berkaitan Islam. Di peringkat tempatan, pengislaman memfokuskan kepada perbezaan di antara golongan Islam sederhana yang lebih menekankan kepada penyesuaian Islam terhadap masyarakat Malaysia dan golongan yang radikal yang menentang pentadbiran. Golongan-golongan ini mewarnai politik dalaman orang Melayu dan meningkatkan peranan wacana Islam khususnya di dalam masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia amnya. Reaksi kerajaan terhadap cabaran politik yang disumbangkan oleh kebangkitan Islam di Malaysia pada 1970an lebih kepada persaingan di dalam menonjolkan pihak mana yang lebih Islamik, 1980an lebih khusus mengarah kepada

menggalakkan pengamalan Islam yang sebenar dan sekiranya ia merujuk kepada konsep yang lebih luas, pastinya ia merujuk kepada interpretasi terhadap sistem nilai Islam yang juga meliputi kepada apa yang boleh dan tidak boleh dibuat menurut Islam, hubungan yang positif terhadap Barat dan juga mempelajari sesuatu yang positif daripada Barat.

Tun Dr Mahathir sendiri mempunyai falsafahnya sendiri berkenaan orang Melayu dan pembangunan Malaysia serta peranan agama di dalam mencapai pembangunan yang seimbang. Beliau menyifatkan bahawa Islam merupakan satu agama yang pragmatik dan fleksibel dan boleh menjadi asas di dalam setiap tindakan kita. Di dalam menjelaskan konsep negara Islam, beliau menyatakan bahawa institusi di dalam pentadbiran Islam bergantung kepada situasi tertentu setiap negara, dan asimilasi nilai-nilai Islam di Malaysia bukan seperti di dalam negara-negara Islam yang lain memandangkan bukanlah orang Islam sahaja yang menetap di Malaysia, dan penyerapan nilai memerlukan satu proses penerapan yang panjang. Oleh itu, di dalam menjelaskan hasrat Tun Dr Mahathir untuk melaksanakan polisi pengislaman yang dilancarkan pada tahun 1983, memerlukan pengiktirafan pihak luar dan percubaan Malaysia untuk dijadikan contoh kepada negara Islam yang lain melalui pelaksanaan projek-projek yang bersifat Islamik.

Di dalam mendapatkan pengiktirafan pihak luar terhadap Malaysia, Tun Dr Mahathir telah mengadakan hubungan dengan negara-negara luar dan penerimaan Malaysia sebagai salah satu negara OIC¹ membuktikan bahawa Malaysia merupakan

¹ Tun Dr Mahathir melihat OIC mampu memberi kebaikan kepada Malaysia dan negara-negara Islam yang lain menerusi penggalakan ekonomi yang lebih cergas, pelaburan, pendidikan, latihan dan teknologi, dan penggunaan dana IDB yang ada. Walaupun Malaysia menjalankan hubungan perdagangan dengan negara-negara Arab seperti Arab Saudi, namun realitinya, perdagangan tersebut tidak menyumbang pulangan yang besar terhadap Malaysia jika dibandingkan dengan perdagangan dengan negara-negara bukan Arab seperti Pakistan, Brunei, Indonesia dan sebagainya contohnya di dalam industri minyak sawit. Negara-negara lain seperti Korea, Taiwan, Hong Kong dan China menunjukkan peningkatan perdagangan dengan Malaysia dari tahun 1980-1992 berbanding dengan negara-negara di Asia Barat di dalam menawarkan peluang-peluang ekonomi. Mahathir amat berhati-hati di dalam

sebuah negara Islam. Namun pada masa yang sama, kebangkitan Islam secara global berlaku dan tema utama yang menjadi asas kebangkitan ini adalah isu berkaitan kelemahan orang Islam dan mereka tidak bersatu, oleh itu mengakibatkan ummah lemah. Semasa penglibatan Malaysia di dalam OIC, Malaysia telah diberi peluang untuk berada di dalam jawatankuasa untuk menangani perang Iran-Iraq pada 1981 dan kesediaan OIC menjadikan Malaysia sebagai orang tengah di antara Iran dan Iraq disebabkan oleh dasar keneutralan Malaysia di dalam isu tersebut. Namun begitu, Malaysia juga tidak bersetuju dengan konsep perang jihad yang digagaskan oleh Iran dan memohon untuk keluar daripada jawatankuasa tersebut pada 1987. OIC bukan sahaja dilihat sebagai sebuah organisasi Islam, tetapi lebih melambangkan ruang bagi pertemuan negara-negara Islam. Selain itu, untuk memberi manfaat kepada ummah, OIC juga menggalakkan penglibatan negara-negara dunia ketiga khususnya menerusi usaha menggalakkan usahasama ekonomi dan teknologi antara negara-negara selatan. Bagi dasar luar Malaysia, OIC merupakan forum yang penting bagi negara-negara membangun mencerminkan komitmen identiti agama Islam. Selain itu, secara amnya, dasar berkecuali Malaysia membolehkan Malaysia menjalankan hubungan antarabangsa dengan lebih banyak negara dan membantu di dalam hal-hal yang berkaitan politik antarabangsa. Malaysia juga mengadakan hubungan dua hala dan mempunyai ikatan yang rapat dengan negara-negara Islam Arab contohnya dengan Arab Saudi dan negara bukan Arab seperti Pakistan di bawah pimpinan Presiden Zia ul-Haq dan hubungan-hubungan seperti ini memudahkan kerajaan untuk meningkatkan kefahaman dan pengiktirafan dunia luar tentang amalan Islam yang sebenar di Malaysia.

hubungan ini contohnya dengan Iran kerana dikhuatiri hubungan ini akan menyebabkan semangat revolusi Iran mengalir ke Malaysia. Namun begitu, walaupun negara-negara Islam tidak menyumbang pulangan yang besar di dalam ekonomi Malaysia, tetapi Malaysia ada meminjam sejumlah wang pada tahun 1982 daripada *Kuwait Fund for Economic Development* bagi membiayai projek Pusat Islam dan Yayasan Dakwah Islamiyah (Shanti Nair 1997: 104-105).

Tun Dr Mahathir percaya bahawa Melayu mundur disebabkan oleh faktor budaya dan pemikiran beliau ini diulas di dalam bukunya *Malay Dilemma* yang memberikan gambaran bahawa hubungan antara kemajuan ekonomi dan kekayaan dengan nilai sosiobudaya banyak direncanakan oleh agama. Oleh itu, beliau cuba melihat Islam secara rasional bagi merancang pembangunan Melayu di dalam konteks sosio-politik dan ekonomi. Beliau menegaskan bahawa kelemahan sosio-ekonomi orang Melayu disebabkan oleh interpretasi yang tidak tepat terhadap Islam dan kefahaman yang cetek terhadap mesej yang cuba dibawa oleh Islam itu sendiri. Bagi membantu transformasi masyarakat Melayu, kefahaman tradisional dan tahap aspirasi yang rendah dikalangan orang Melayu harus diubah kepada semangat untuk bersaing. Bagi beliau, sikap yang menunjukkan interpretasi tradisional terhadap Islam ini dilihat sebagai satu bentuk budaya yang menghalang kemajuan masyarakat Melayu dan oleh itu, pemikiran beliau ini jelas diterjemahkan melalui polisi pentadbiran beliau. Walaupun begitu, pemikiran beliau ini banyak dipengaruhi oleh keadaan realiti di dalam konteks persaingan ekonomi Malaysia antara kaum Cina dan Melayu. Memandangkan keadaan persaingan ini yang akan menjelaskan keadaan sosio-ekonomi masyarakat Melayu, minat terhadap interpretasi Islam daripada perspektif Tun Dr Mahathir khususnya di dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi akan menyumbang kepada modenisasi pembangunan Melayu di dalam bentuk yang lebih sekular.

Namun UMNO cuba mempertahankan polisi ini dan cuba menyesuaikan pandangan agama mereka bagi melindungi dasar mereka. Tun Dr Mahathir berhujah bahawa kekayaan, kuasa dan ilmu merupakan sesuatu yang diperlukan dan penting bagi mempertahankan kedudukan Islam dan beliau sebagai Presiden UMNO mempunyai tanggungjawab untuk mempertingkatkan ekonomi Melayu yang tidak bertentangan dengan Islam. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa masyarakat Melayu perlu meningkatkan amalan Islam bagi memastikan bahawa ajaran Islam terus melekat di

dalam komuniti Melayu (Shanti Nair 1997: 99). Imej modenis Islam yang dibawa ini boleh dilihat di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Di peringkat tempatan, Tun Dr Mahathir meyakinkan masyarakat Melayu bahawa program dan idea PAS hanya akan menjadi penghalang kepada proses modenisasi, dan secara langsung menghalang kepada kemajuan. Di peringkat antarabangsa pula, Tun Dr Mahathir menekankan bahawa program-program modenisasi ekonomi Malaysia adalah selaras dengan Islam. Matlamat modenisasi ini adalah penting di dalam memastikan program-program utama yang lain untuk merubah masyarakat Malaysia berjaya, contohnya program dasar pandang ke Timur yang digagaskan pada tahun 1981 yang mempunyai tujuan untuk menukar etika, sikap dan nilai kerja masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu walaupun dasar ini juga dikritik kerana tidak sesuai dengan polisi Islam dan lebih menyerlahkan imej polisi yang sekular di dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir.

Di dalam pentadbiran, Tun Dr Mahathir menekankan peningkatan keupayaan spiritual dan pemeliharaan nilai-nilai Islam di dalam masyarakat yang menjadi perkara yang penting di dalam pembangunan ekonomi dan modenisasi. Oleh itu, pada tahun 1988, usaha kerajaan di dalam pengislaman digambarkan sebagai perkara yang utama di dalam penghasilan bangsa dan individu yang mempunyai asas agama yang kuat apabila menekankan amalan nilai yang mencerminkan personaliti sebenar Islam. Usaha kerajaan untuk menggalakkan kewujudan ekonomi masyarakat yang dinamik yang melibatkan rasionalisasi di dalam agama menerusi aktiviti harian untuk meningkatkan ekonomi Malaysia dianggap sebagai ibadah. Konsep ibadah di dalam ekonomi ini banyak ditekankan dan dihebahkan melalui pengaruh ulama kerajaan dan intelektual Islam yang menganggap bahawa konsep ini adalah satu bentuk ajaran Islam yang betul. Rasionalisasi prinsip-prinsip agama di dalam ekonomi bagi memenuhi keperluan untuk menggambarkan kekuatan Melayu kelas pertengahan yang kian bertambah dan keinginan untuk membangun mengikut acuan pemikiran yang baru. Walaupun Malaysia

ingin membangun dari segi material, pembangunan material juga harus seiring dengan pembangunan spiritual seseorang. Oleh itu, rasionalisasi merupakan pra syarat supaya impian pembangunan ini dapat dicapai. Tambahan pula, konsep ‘Melayu Baru’ dan ciri-cirinya diperlukan bagi membangunkan ekonomi Melayu yang disertakan dengan sikap dan orientasi ingin maju yang mencerminkan imej nilai-nilai Islam yang cuba dibawa oleh pentadbiran Tun Dr Mahathir.

Usaha-usaha menerapkan bentuk pemikiran ‘baru’ ini juga diintegrasikan di dalam polisi negara dan bagi menjelaskan usaha ini, satu seminar dianjurkan pada 1981, iaitu *National Seminar on the Concept of Development in Islam* untuk menyediakan garis panduan bagi usaha-usaha pembangunan di Malaysia. Contoh-contoh usaha kerajaan yang lain seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi yang dilancarkan dilancarkan pada Julai 1984 oleh Tun Dr Mahathir berperanan mengumpul dana bagi kebajikan ekonomi masyarakat Islam dan menggalakkan masyarakat Islam terlibat di dalam perniagaan walaupun kecil-kecilan.

Walaupun pentadbiran Tun Dr Mahathir cuba untuk memasukkan semangat agenda Islam sebagai asas di dalam kerajaan, namun pembentukan polisi pembangunan ekonomi pada peringkat persekutuan masih lagi mengekalkan identiti sekular walaupun secara tidak rasmi berdasarkan sistem perdagangan yang banyak melibatkan hubungan ekonomi dan sumber-sumber perdagangan yang berorientasikan pelaburan asing dan pemindahan teknologi dari Barat di dalam pembangunan ekonomi yang dualistik. Namun begitu, Islam memainkan peranan yang defensif terhadap polisi-polisi negara kerana Tun Dr Mahathir juga perlu meyakinkan pengundi Islam di Malaysia sendiri bahawa pelaburan-pelaburan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan kedudukan Islam di dalam pembangunan ekonomi masyarakat Malaysia. PAS menggunakan aspek ini untuk mengkritik pentadbiran UMNO yang dilihat terlalu menggunakan pendekatan yang materialistik dan apabila PAS bersama-sama Semangat

46 menguasai Kelantan, mereka cuba menjadikan Kelantan sebagai model negara Islam bagi mencabar usaha pengislaman kerajaan serta Wawasan 2020 yang juga merupakan slogan modenisasi Tun Dr Mahathir.

Perdebatan tentang isu ‘Islam yang betul’ dan masalah di dalam hak menginterpretasi hal-hal keagamaan contohnya di dalam memahami mesej di dalam al-Quran, yang sebelum ini hanya ahli ulama yang biasanya mempunyai latar belakang pendidikan tradisional berhak mentafsir al-Quran terus menimbulkan konflik di dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, bagi mentafsir al-Quran juga memerlukan *ijtihad* yakni melibatkan pentaakulan, rasa ingin tahu dan penilaian tertentu. Sejarah kemerosotan tamadun Islam juga disebabkan penutupan pintu *ijtihad* dan tiada ruang untuk penilaian sendiri dan rasa ingin tahu yang rasional. Akhirnya, ilmu Islam hanya berdasarkan *taklid* dan sistem pentadbiran Islam hanya membenarkan ahli agama tradisional memonopoli sistem pendidikan dan pemikiran sehingga abad ke-19 apabila munculnya golongan modenis Islam yang menyeru melepaskan ilmu agama daripada dogma semata-mata supaya membolehkan dunia Islam dapat mengadaptasi dengan dunia moden.

Konsep *ijtihad* juga mengalami perubahan besar di dalam konteks sejarah dan politik dan pada abad ke-19. Intelektual Islam menggalakkan supaya orang Islam kembali mengamalkan *ijtihad* dan penting untuk menginterpretasikan semula Islam selaras dengan keadaan kontemporari. Situasi ini secara tidak langsung menggugat hak, kuasa dan autoriti ulama Islam. Isu *ijtihad* ini juga mendapat perhatian Tun Dr Mahathir dan propaganda ‘Islam yang betul’, penggalakan *ijtihad* dan peranan ulama di dalam masyarakat Malaysia begitu ditekankan di dalam polisi kerajaan. Namun begitu, persoalan siapa yang berhak menginterpretasikan nilai Islam yang tulen, konflik antara intelektual Islam tradisional, dan apakah yang dimaksudkan dengan budaya Melayu

moden terus menjadi cabaran di dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir di dalam mengisi propaganda ‘Islam yang betul’ ini.

Cabaran ini pernah dilalui sewaktu reformasi Islam di dalam masyarakat Melayu antara Kaum Muda dan Kaum Tua, namun tekanan di antara masyarakat Melayu dan politik ini tidak dapat dirungkaikan. Di dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir, beliau menggesa ulama untuk tidak turut serta di dalam politik kerana dikhuatiri akan dieksplotasi dan ulama digalakkan memberi fokus kepada ilmu dan penggunaan ilmu yang betul. Kepentingan seseorang di dalam politik akan mempengaruhi tindakan keagamaan seseorang dan secara langsung akan menjelaskan keimanan. Oleh itu, ulama seharusnya mempunyai ilmu dan menggunakan bagi meningkatkan tahap kehidupan masyarakat untuk dunia dan akhirat serta mengamalkan konsep *ijtihad* bagi menyesuaikan ajaran Islam dengan dunia moden.

Isu *ijtihad* ini mendapat reaksi berbeza di antara UMNO dan PAS. Bagi melindungi imej UMNO di dalam aspek keagamaan, UMNO mempunyai ulama yang tidak terlibat di dalam politik menerusi Pusat Islam yang mewakili peranan sarjana keagamaan, hak dan autoriti contohnya di dalam pembentukan polisi kerajaan, sementara kepimpinan PAS diterajui oleh kepimpinan ulama yang mempunyai hak dan autoriti di dalam politik dan hal-hal keagamaan. Di dalam konteks kebangkitan Islam, ulama mempunyai kedudukan yang penting di dalam masyarakat Melayu untuk menasihati, memberi pendapat dan terlibat di dalam isu kebangsaan contohnya tentang isu-isu yang melibatkan sains dan teknologi, sekularisme, pragmatisme, nasionalisme dan liberalisme dan bukan tentang hal-hal agama semata-mata. Di dalam isu pembangunan politik Malaysia, terdapat perubahan contohnya di dalam peranan ulama yang diambil alih oleh ahli intelektual. Atas dasar ini, pentadbiran Tun Dr Mahathir cuba membina atas intelektual menerusi penubuhan institusi pendidikan seperti UIAM pada 1983 yang antara objektifnya adalah untuk menggalakkan falsafah Islam sebagai

asas pendidikan khususnya bagi memenuhi keperluan menangani cabaran modeniti. Malahan, di dalam UMNO sendiri, ramai pemimpin di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir boleh dikaitkan dengan identiti Islam dan pada masa yang sama, mewakili satu bentuk pemikiran baru yang sekular terhadap autoriti Islam. Contohnya Anwar Ibrahim, walaupun boleh dikaitkan dengan pengislaman UMNO dan mempunyai minat Islam di dalam polisi tempatan dan antarabangsa, tetapi beliau juga dianggap sekular kerana menyokong dasar nasionalisme UMNO dan beliau tidak mempunyai latar belakang pendidikan keagamaan secara formal walaupun pengaruh beliau sangat besar di dalam arena wacana Islam tempatan mahupun antarabangsa. Kemasukan Anwar di dalam UMNO pada 1982 juga menyebabkan pengaruh imej Islam di dalam UMNO meningkat dan beliau juga dilihat sebagai duta Malaysia di dalam melaksanakan agenda pengislaman kerajaan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Walaupun konsep *ijtihad* ini mampu memberi nafas baru di dalam kebangkitan Islam, namun konsep ini juga menimbulkan banyak kekeliruan dan eksloitasi oleh pihak-pihak tertentu. Kerajaan dilihat membenarkan sekularisasi menerusi *ijtihad* untuk menonjolkan ‘Islam yang betul’ dan menimbulkan banyak reaksi yang tidak dapat dielakkan oleh ulama tempatan dan antarabangsa. Propaganda ‘Islam yang betul’ ini bagi memastikan UMNO terus mendapat pengiktirafan dan sokongan di dalam pentadbiran masyarakat Melayu Islam dan masyarakat Islam antarabangsa.

Selain itu, sejak 1981 kerajaan secara aktif menganjurkan persidangan, seminar antarabangsa mengenai isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam antaranya *An Islamic Approach Towards Technological Development* (1983), *Islamic Civilization* (1984), *Islamic Thought* (1984), *International Islamic Symposium* (1986), *Islamic Management for the Asia-Pacific Region* (1987), *Islamic Economics* (1987), *The Media and Islam in the Modern World* (1987) dan *Islam and the Philosophy of Science* (1989). Penganjuran persidangan sebegini mampu memberi manfaat yang

menggambarkan penghormatan daripada sarjana dan intelektual yang ternama di dalam bidang Islam, memberi ruang bagi pengiktirafan dunia bahawa Malaysia adalah sebahagian daripada tradisi intelektual yang hebat dan terlibat di dalam usaha menyebarkan Islam, dan secara perlahan-lahan mampu meminggirkan pengaruh dan monopoli autoriti ulama dan ahli agama tradisional (Shanti Nair 1997).

Selain itu, ruang sebegini boleh menjadi medium di dalam menjelaskan wawasan kerajaan tentang ‘Islam yang betul’ sebagai sesuatu yang seimbang, sederhana dan kuasa di dalam modenisasi yang tidak menghalang daripada pelaburan asing, serta mampu menerima sebahagian bentuk pandangan Barat yang sekular bagi menghadapi situasi sebenar keadaan politik Islam tempatan dan dunia luar. Kebangkitan Islam yang sebenar memerlukan asas idea-idea kontemporari dan analisis berdasarkan al-Quran dan sunnah yang hanya akan mendatangkan hasil sekiranya mengikut konsep *ijtihad* yang betul.

Usaha-usaha ini penting di dalam mempengaruhi wacana pengislaman ilmu dan dapat menjelaskan kepada sesetengah orang Islam yang mempunyai tanggapan yang silap, yang menolak untuk mempelajari sains dan teknologi Barat secara keseluruhan dan enggan bersaing dengan dunia luar. Di dalam konteks tempatan khususnya masyarakat Melayu, pencapaian yang tinggi di dalam sains dan teknologi membolehkan kaum Melayu bersaing dengan kaum lain terutamanya kaum Cina dan bagi mencapai objektif ini, kerajaan memberikan fokus kepada aspek pendidikan yang sebelum ini hanya lebih banyak mengkhusus kepada bidang pengajian Islam.

Berpandukan pemikiran positif tentang konsep *ijtihad*, kerajaan telah mengatur strategi di dalam menginstitusikan pandangan modenis Islam yang menyokong program pembangunan sosio-ekonomi, antaranya melalui UIAM dan IKIM yang ditaja oleh kerajaan. Institusi-institusi ini berperanan untuk menyebarkan konsep *ijtihad* di dalam

masyarakat Islam yang moden. Bertindak bagi memerangi ideologi ilmu dan interpretasi yang sempit, institusi-institusi ini berperanan secara rasmi untuk meningkatkan pembangunan asas intelektual Islam sebagai alternatif kepada kebergantungan orang Islam kepada Barat, misalnya penyelidikan IKIM memberi fokus kepada penekanan nilai di dalam modeniti dan modernisasi menerusi kerangka pandangan alam Islam.

Walaupun UMNO dan kerajaan cuba terlibat di dalam wacana Islam dan kritikal terhadap idea-idea Barat, dan menggalakkan amalan nilai-nilai Islam di dalam masyarakat, namun usaha-usaha ini adalah bertentangan dengan usaha merancakkan pembangunan ekonomi yang masih lagi mengekalkan model sekular Barat yang terlalu mementingkan perolehan kekayaan material. Tambahan pula, falsafah Tun Dr Mahathir juga memberi kesan pengislaman di dalam masyarakat Melayu dan antarabangsa, di samping melihat bahawa sikap anti Barat ini timbul daripada kebangkitan Islam yang tidak mempunyai identiti tertentu. Tun Dr Mahathir juga menggesa orang Melayu supaya melihat jauh kehadapan dan menerima ilmu Barat. Beliau juga mengingatkan bahawa orang Islam boleh menerima ilmu di luar sistem Islam selagi ilmu itu tidak bertentangan dengan Islam. Oleh itu, keinginan untuk melaksanakan ekonomi Islam juga tidak harus dipinggirkan dan diasingkan daripada ekonomi dunia yang secara dominannya dikuasai Barat.

Tun Dr Mahathir juga menggagaskan Wawasan 2020 untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 di samping tidak mengabaikan aspek nilai moral dan etika, di dalam setiap lapangan hidup. Penilaian semula DEB menekankan kepada usaha yang lebih intensif ke arah pengislaman, terutamanya yang melibatkan peranan bumiputera di dalam ekonomi dan cuba menghubungkan ekonomi Islam dengan dunia bukan Islam.

Masa depan Islam di Malaysia banyak bergantung kepada rakyat dan politik Malaysia. Namun begitu, perlu difahami bahawa di bawah pentadbiran dan kepimpinan UMNO, Malaysia tidak digambarkan secara langsung sebagai sebuah negara Islam walaupun di dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir pada tahun 1988 ada merujuk Malaysia sebagai sebuah negara Islam bagi mempertahankan polisi pengislaman kerajaan dan pada Januari 1993, beliau ada menyebut bahawa Malaysia akan mengamalkan hukum *hudud* apabila masanya sudah tiba. Pandangan ini merupakan pandangan sebagai maklum balas terhadap gesaan PAS untuk memancing undi masyarakat Melayu Islam (Martinez P. A. 2001). Namun begitu, sekiranya dibandingkan dengan era pentadbiran Tunku Abdul Rahman pada 1960an, terdapat perbezaan ketara kerana pada era pentadbiran Tunku, Islam hanya dilihat sebagai amalan ritualistik dan mempunyai aspek simbolik, dan sebelum 1980an, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang sekular seperti negara-negara Islam yang lain dan pada waktu itu, hanya Arab Saudi dan Pakistan sahaja yang dilihat sebagai model negara Islam. Di dalam pentadbiran Tun Dr Mahathir, Islam dijadikan instrumen yang sah di dalam hasratnya untuk mengamalkan nilai dan prinsip Islam yang universal di dalam pentadbiran negara, dan jelasnya, tekanan dan kesedaran ini berpunca daripada tekanan secara kolektif oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah, para intelektual Islam dan parti Islam, PAS. Dasar penerapan nilai-nilai murni yang mempunyai ciri-ciri universal dan positif boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama. Nilai-nilai yang disarankan adalah amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, tekun, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia, dan bersyukur (Jabatan Penerangan Malaysia, 2010). PAS menolak pendekatan Islam UMNO dan dasar Islamisasi UMNO yang dilihat tidak ikhlas dan hipokrit. Program Islamisasi UMNO ini hanya lebih bersifat kosmetik dan tidak Islamik. Oleh itu, pada pertengahan 1980an, kepimpinan PAS membentuk sebuah rencana terperinci negara Islam untuk Malaysia dan model

tersebut berdasarkan model yang dibentuk oleh revolusi Iran. PAS yang merupakan sebuah parti Islam tidak membenarkan UMNO meneruskan agenda pengislamannya, dan cuba mempertahankan ideologi PAS serta menghalang UMNO daripada memberikan pandangan alternatif terhadap Islam (Noor, F. A. 2003).

Namun realitinya tidak semudah yang digambarkan apabila mengambil kira keadaan sosioekonomi dan sosiobudaya rakyat Malaysia yang majmuk dan dipengaruhi oleh kolonialisasi. Di Malaysia, agama berkait rapat dengan latar belakang etnik contohnya Melayu dengan Islam, dan India dengan Hindu. Oleh itu, Islam sering dikaitkan dengan Melayu dan kedua-dua ini saling berkait rapat dan oleh itu, program dan polisi yang dilancarkan oleh kerajaan untuk membangunkan Islam secara langsung merupakan program dan polisi yang memberi manfaat yang besar kepada orang Melayu. Realiti kepelbagaian etnik ini juga jelas boleh dilihat menerusi negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai komposisi kaum yang jauh berbeza dengan Semenanjung Malaysia. Namun begitu, Malaysia juga sedar bahawa ekonomi Malaysia banyak dipengaruhi oleh sistem antarabangsa yang global, sekular dan kapitalis dan peningkatan golongan Melayu yang terlibat di dalam dunia perniagaan juga dipengaruhi oleh budaya kapitalis.

Orientasi pentadbiran Tun Dr Mahathir yang menekankan pelbagai bangsa dan lebih global, serta lebih bersemangat di dalam meningkatkan kemajuan material dan pembangunan negara, merupakan suatu reaksi terhadap transformasi sosio-budaya di dalam modenisasi. Tambahan pula, orientasi budaya ini membenarkan Tun Dr Mahathir dan modenis Islam yang lain menterjemah Islam menurut perspektif masing-masing dan ini berbeza dengan tradisi Islam yang konservatif di Malaysia. Keadaan ini juga membolehkan penerimaan awam terhadap interpretasi pragmatik dan materialistik Islam yang dianjurkan oleh kepimpinan modenis UMNO, dan UMNO juga menekankan versi Islam yang progresif yang dilihat bertentangan dengan versi PAS, bagi membolehkan

golongan bukan Islam menyokong dan menerima usaha pembinaan bangsa oleh UMNO (Hamayotsu 2002).

Proses penginstitusian pentadbiran negara Islam melibatkan usaha di dalam meningkatkan bilangan ulama di dalam struktur formal kerajaan dan meningkatkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan Islamisasi. Proses Islamisasi dan modenisasi merupakan dua agenda utama yang menjadi tulang belakang di dalam agenda politik, budaya dan ekonomi kerajaan dan menjadi model di dalam memacu pembangunan yang seimbang di Malaysia. Pandangan Tun Dr Mahathir mempunyai pengaruh yang sangat kuat di dalam merealisasikan perancangan pembangunan ini (Hamayotsu 2002).

Namun begitu, orang Melayu sendiri mempunyai sikap dan persepsi yang berbeza terhadap Islam, misalnya kepimpinan Melayu di dalam kerajaan mempunyai pengetahuan yang terhad tentang maksud negara Islam itu sendiri dan jurang antara ideologi Melayu UMNO dan PAS sehingga menimbulkan isu debat kafir mengkafir antara mereka. Walaupun kebangkitan semula Islam lebih berlabelkan ‘agama’, namun hakikatnya perpecahan Melayu juga disebabkan oleh agama dan perpecahan antara kaum semakin ketara (Zainah Anwar 1990).

Kebangkitan Islam telah menghasilkan debat di dalam masyarakat Islam yang berkaitan dengan perubahan politik dan ekonomi serta menghasilkan suatu transformasi sosial dan kebenaran secara berterusan. Walaupun demikian, terdapat persepsi masyarakat Islam yang mencerminkan bahawa terdapat kecenderungan Barat melihat kepercayaan Islam dan masyarakat Islam sebagai tidak bersesuaian dengan modeniti. Retorik Islam yang ‘betul’ di dalam kerajaan selalu dikaitkan dengan label seperti tradisionalis atau modenis yang membezakan kedudukan mereka di dalam politik dan agama.

2.6 Respons Terhadap Krisis Moderniti.

Selepas merdeka daripada penjajahan, Malaysia terus rancak dengan proses permodenan dan perubahan sosial di Malaysia masih lagi berterusan. Keadaan ini dapat digambarkan melalui pertumbuhan infrastruktur fizikal dan peningkatan taraf dan kualiti hidup, walaupun pada masa yang sama, memberi kesan yang negatif, seperti peningkatan masalah sosial kepada masyarakat. Oleh itu, perubahan negatif keadaan sosial yang disebabkan oleh moderniti juga harus ditangani dengan bijak bagi memastikan kestabilan masyarakat sosial. Kesan negatif ini juga digambarkan oleh Weber tentang kesan sangkar besi yang dialami oleh masyarakat moden. Penghakisan nilai dan makna kehidupan di dalam masyarakat moden menimbulkan reaksi daripada institusi keagamaan.

Salah satu perkara utama di dalam masyarakat Malaysia kontemporari adalah isu kebangkitan Islam pada pasca 1970an, dan Islam juga dijadikan sumber di dalam bidang politik di Malaysia. Walaupun kebangkitan Islam sebahagiannya diinspirasikan oleh revolusi Iran, namun di Malaysia, fenomena ini dilihat suatu perterjemahan kepada perjuangan golongan yang menjadikan agama sebagai sumber utama perjuangan. ASASI merupakan antara organisasi yang menjadi platform utama kepada para sarjana Melayu Islam untuk menterjemahkan perjuangan mereka khususnya terhadap sains dan teknologi Barat, seterusnya menggambarkan respons mereka terhadap moderniti.

Terdapat sekelompok intelektual Melayu yang terlibat di dalam wacana yang membincangkan tentang ilmu sains yang merupakan peneraju utama modenisasi dan cuba mengislamkan ilmu sains ini. Terdapat juga kebangkitan tradisi Islam, yang datang daripada kelompok Melayu kelas pertengahan yang menikmati dan merasai moderniti, tetapi pada masa yang sama cuba mempertahankan identiti budaya dan tradisi Melayu Islam (Abaza 2002).

Gelombang pengislaman ilmu tidak boleh dilihat sebagai sambungan sepenuhnya daripada respons orang Islam terhadap kemajuan dan modenisasi yang dibawa oleh British pada akhir abad ke-19 dan awal ke-20, contohnya respons dari Kaum Muda di dalam konteks di Malaysia. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa gelombang kebangkitan Islam 1970an mempunyai ciri-ciri yang hampir serupa dengan perjuangan Kaum Muda. Ciri-ciri tersebut dapat dilihat contohnya melalui polisi dan kegiatan yang dijalankan oleh Tun Dr Mahathir dan Tun Abdul Razak. Idea dan matlamat yang dibincangkan oleh Kaum Muda, Tun Dr Mahathir serta Tun Abdul Razak hampir sama, iaitu inginkan Melayu moden tetapi berlandaskan Islam. Walaupun begitu, usaha pembangunan dan modenisasi yang dijalankan oleh Tun Abdul Razak dan Tun Dr Mahathir berjaya melahirkan lebih ramai cendekiawan Melayu yang kemudiannya memberi respons baru terhadap usaha pemodenan, kerana menganggap usaha-usaha sebegini tidak kritikal terhadap Barat di dalam usaha pemodenan di Malaysia.

Respons terhadap modenisasi ini jelas ditunjukkan oleh intelektual Islam baru yang kebanyakannya mempunyai latar belakang pendidikan Barat, dan dipengaruhi dengan sumber pemikiran orang Islam yang tinggal di Barat, khususnya intelektual Islam seperti Seyyed Hossein Nasr, Ismail al-Faruqi serta pembabitan intelektual Islam muda seperti di dalam *Muslim Students Associations* (MSA) dan *Islamic Representative Councils* (IRC). Idea-idea dan sumber pemikiran intelektual Islam yang baru bukan lagi terhadap isu etnik, hak bangsa, bahasa Melayu (Zainah Anwar 1990), tetapi lebih menjurus kepada Islam sebagai penyelesai masalah khususnya di dalam menghadapi cabaran modenisasi di Malaysia khususnya. DEB yang diilhamkan oleh Tun Abdul Razak yang berorientasikan perjuangan untuk kepentingan bangsa Melayu dikritik hebat oleh golongan intelektual muda Islam, kerana dilihat menentang kepentingan ummah dan tidak berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Corak kebangkitan Islam selepas

tahun 1970an lebih menekankan soal kemajuan, pembangunan, dan seterusnya pemodenan yang mementingkan keaslian dan kejatian (*authenticity*) ajaran Islam di dalam masyarakat. Daripada respons ini, dapat dilihat walaupun kebangkitan Islam pasca merdeka mempunyai kaitan dengan kebangkitan Islam zaman penjajahan, walaupun terdapat perbezaan sumber pemikiran dan idea yang diketengahkan. Sumber utama pemikiran kebangkitan Islam selepas tahun 1970an mempunyai pengaruh pemikiran sarjana Islam di Barat dan tidak hanya bergantung kepada sumber pemikiran reformis Timur Tengah walaupun tidak dinafikan, tetapi dipengaruhi oleh Revolusi Iran. Ciri baru kebangkitan ini bersumberkan pemikiran daripada Barat, khususnya daripada sarjana-sarjana Islam muda yang mempunyai latar belakang pendidikan Barat, serta mempunyai pengalaman hidup di Barat seperti di Britain dan Amerika Utara. Isu-isu yang dibincangkan di dalam kebangkitan Islam zaman penjajahan dan pasca penjajahan khususnya selepas 1970an juga berbeza. Golongan Kaum Muda pada zaman penjajahan menekankan isu pendidikan golongan wanita Melayu, pemurnian akidah Islam di dalam masyarakat Melayu, manakala isu-isu di dalam kebangkitan Islam selepas 1970an lebih menumpukan kepada persoalan untuk menangani krisis modeniti, mengharmonikan pendidikan Barat dan Islam, serta mengukuhkan kekuatan spiritual bagi melawan kesan negatif arus pemodenan.

Namun begitu, walaupun kegiatan golongan Kaum Muda merupakan gerakan perjuangan kebangkitan Islam sebelum kemerdekaan, tetapi mereka juga sudah mula mengkritik Barat serta menumpukan kepada penentangan kepada penjajahan berbentuk fizikal. Sungguhpun demikian, perjuangan kebangkitan pasca kemerdekaan lebih menekankan pendekatan yang kritikal terhadap Barat, pembebasan diri dan pemikiran daripada penjajahan pengaruh Barat serta konsep pembangunan yang lebih holistik. Namun begitu, kedua-dua gelombang kebangkitan Islam sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan khususnya 1970an tidak menolak sepenuhnya modenisasi dan

kemajuan yang bersumberkan Barat serta masih lagi menjadikan Islam sebagai wadah perjuangan. Namun demikian, perlu ditekankan bahawa kebangkitan Islam selepas 1970an, mempunyai sikap yang lebih kritikal terhadap idea, dan pemikiran sains Barat. Kedua-dua fasa kebangkitan Islam ini secara amnya cuba untuk mengembalikan kemurnian Islam pada zaman kontemporari, dan cuba mengarus perdanakan Islam dalam kehidupan orang Melayu.

Tambahan pula, perbezaan utama antara respons sarjana Islam kontemporari dengan respons sarjana Islam sebelum kemerdekaan adalah berdasarkan ‘sikap’ mereka terhadap modeniti Barat. Sarjana awal melihat Barat sebagai satu-satunya model kemajuan. Namun demikian, pada masa kini, respons lebih berbentuk sikap yang lebih kritikal terhadap modenisasi Barat, dan seterusnya berkembang kepada kritikan dalaman terhadap sains moden yang berterusan oleh intelektual Islam. Oleh itu, usaha pengislaman ini dilihat bukan bermakna menolak sepenuhnya modenisasi, sebaliknya bagaimana untuk mengubah bentuk modenisasi Barat bagi disesuaikan dengan tradisi Islam.

Di Malaysia, terdapat sekelompok intelektual Islam tempatan kontemporari yang terlibat secara langsung dalam wacana pengislaman ilmu. Kerancakan usaha pengislaman di akhir abad ke-20 di Malaysia bertujuan untuk membina suatu model dan bentuk modeniti yang berbeza daripada Barat, yakni yang mempunyai asas nilai-nilai Islam. Isi kandungan dan tujuan berbeza daripada respons sarjana Islam sebelumnya, iaitu pada awal zaman penjajahan, sewaktu zaman kegemilangan Barat. Pada akhir abad ke-20, respons sarjana Islam ini lebih mengarah kepada penolakan proses pembaratan, khususnya yang merujuk kepada sekularisasi Barat. Usaha pengislaman ini disebabkan oleh kurangnya kepercayaan terhadap modeniti Barat, yang berdasarkan kesan negatif kepada keadaan sosial yang dilihat di negara-negara Islam. Walaupun begitu, kecenderungan meneruskan modeniti Barat masih lagi berlaku, misalnya melalui

pendekatan semi-modeniti atau ‘*selective modernity*’, iaitu cuba menghadapi dan mengalami modeniti yang memberikan kebaikan material, tanpa mengorbankan dan mengabaikan kebaikan spiritual dan sosial orang Islam.

Bagi menghadapi cabaran modenisasi, perlu diingat bahawa pandangan alam modeniti Barat mengabaikan peranan agama dan oleh itu, modeniti Barat menonjolkan sikap yang sekular. Sehubungan dengan itu, bagi menghadapi cabaran modeniti ini, kita perlu sedar akan interpretasi sekular yang ada di dalam sains moden, yang merupakan unsur utama di dalam modenisasi. Di Malaysia, penggunaan model pembangunan Barat dilihat berjaya, meskipun terdapat percanggahan dan pertikaian yang berlaku di antara modeniti yang bersifat sekular, dan kepentingan Islam. Namun demikian, tidak dinafikan ketegangan hubungan ini masih lagi berlaku. Tambahan pula, identiti utama masyarakat di Malaysia bertunjangkan identiti Islam. Oleh itu, perkara utama di dalam modenisasi mengikut acuan model pembangunan Barat yang menolak peranan agama di dalam kehidupan ditentang oleh masyarakat Islam di Malaysia.

2.7 Kesimpulan.

Kebangkitan Islam di Malaysia bukanlah satu fenomena baru, malah telah berlaku sejak zaman penjajahan dan kemudian berterusan di dalam bentuk kebangkitan Islam baru pada zaman pasca penjajahan. Kebangkitan Islam bertujuan untuk membawa pembaharuan di dalam pengamalan Islam, serta seruan untuk kembali kepada al-Quran dan sunnah. Walaupun demikian, dilihat terdapat perbezaan terhadap pendekatan, isu, dan sumber pemikiran yang ditonjolkan oleh respons generasi kebangkitan Islam zaman penjajahan dan pasca penjajahan. Generasi kebangkitan Islam terdahulu lebih menekankan dominasi politik, sistem kolonial, identiti dan perjuangan orang Islam untuk mencapai kemerdekaan, tetapi generasi sekarang lebih menekankan kepada

pembebasan diri daripada sistem pemikiran yang dikuasai Barat yang menjelaskan seluruh kehidupan manusia.

Perbezaan utama di antara respons sarjana Islam selepas 1970an dan zaman penjajahan adalah berdasarkan ‘sikap’ mereka terhadap modeniti Barat. Respons sarjana Islam awal melihat Barat sebagai model pembangunan. Pada masa kini, respons lebih berbentuk sikap yang lebih kritikal terhadap modernisasi Barat, dan kemudian, berkembang kepada kritikan dalaman terhadap sains moden yang berterusan oleh intelektual Islam.

Di dalam babak seterusnya, kajian ini akan menyentuh tentang perkembangan wacana sains Islam daripada perspektif sejarah dan aktiviti-aktiviti yang membantu penyebaran wacana sains Islam ini.